**Bekalan air negeri pada tahap terbaik** MS5



**Anugerah Sekolah Hijau kembali** MS20



**Segerakan penarafan bandaraya** MS 24


PERCUMA

buletin **Mutiara**

Cekap Akauntabel Telus

www.buletinmutiara.com

16 – 31 MAC 2014

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng


# Nicol terbaik - KM

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**BAYAN BARU** - Kejohanan Skuasy Wanita Sedunia Ke-29 berlangsung dengan penuh gilang-gemilang di sini baru-baru ini.

Walaupun harapan Ratu Skuasy Negara, Datuk Nicol Ann David untuk merangkul gelaran dunia ke-8 tidak kesampaian, namun, penganjuran bertaraf dunia berkenaan berjaya menempa sejarah tersendiri khususnya kepada negeri Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Pulau Pinang hanya diberikan tempoh dua bulan untuk menganjurkan kejohanan dunia tersebut.

"Walaupun singkat, kita (Pulau Pinang) boleh rasa bangga bahawa dapat menjayakan penganjurannya dengan baik.

"Ini kerana, kita (Pulau Pinang) ingin menjadikannya *'Simply The Best'* (yang terbaik)," katanya pada Majlis Penutup Kejohanan Skuasy Wanita Sedunia Ke-29 di arena *Subterranean Penang International Conference and Exhibition* (SPICE) di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan majlis tersebut adalah Tuan Yang Terutama (T.Y.T), Yang di-Pertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas; Presiden Majlis Olimpik Malaysia, Tunku Imran Tuanku Ja'far; Pengurus Besar Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Ir. Jaseni Maidinsa, Pengarah Eksekutif syarikat pemaju Nusmetro Sdn. Bhd. merangkap Pengarah penganjur utama kejohanan, Thomas Chan serta barisan kepimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Sebelum berlangsungnya majlis penutupan kejohanan, para jemputan turut menyaksikan perlawanan akhir antara pemain England, Laura Massaro dan Nour El Sherbini (Egypt).

Perlawanan sengit yang berlangsung hampir satu jam 30 minit tersebut memperlihatkan kemenangan berpihak kepada Massaro dengan catatan 11-7, 6-11, 11-9, 5-11 dan 11-9. Kemenangan tersebut melayakkan beliau membawa pulang hadiah wang tunai US$120,000 berserta trofi kejohanan.

Sherbini, 18, pada perlawanan separuh akhir sebelum ini menumpaskan Nicol dengan 4-11, 11-9, 11-6, 2-11 dan 11-9.

Mengulas lanjut, Guan Eng mewakili Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan rakyat Malaysia ingin 'tabik' pada Nicol dan menyampaikan mesej istimewa ini :

"Apa yang membuatkan seseorang bergelar juara sebenar adalah seseorang yang cepat berdiri kembali.

"Kami tahu bahawa anda (Nicol) adalah juara sebenar dan semua rakyat Pulau Pinang bangga dengan juara dalam dirimu.

"Anda (Nicol) telah membawa tujuh tahun kemenangan sebagai juara dunia kepada Malaysia dan anda sentiasa memiliki tempat istimewa di dalam hati kami.

"Kami tahu anda (Nicol) tidak pernah berputus asa dan begitu juga kami. Anda (Nicol) telah menyumbang dengan banyak dan apa yang ingin kami katakan adalah kami sayangkan anda.

"Kerana, anda (Nicol) adalah yang terbaik – *simply the best!*" ucap khas beliau kepada Nicol.

Dalam pada itu, Nicol tidak menafikan bahawa beliau hilang fokus dan menghadapi tekanan beraksi di kampung halaman sendiri.

"Ia bukan sesuatu yang mudah untuk kalah di hadapan peminat sendiri, tapi ia merupakan perlawanan turun naik kepada saya dan saya kurang fokus.

"Setiap pemain bermain skuasy dengan baik dan hari ini (perlawanan separuh akhir), Sherbini telah berentap dalam salah satu perlawanan terbaiknya. Semua rentak adalah menyebelahinya.

"Saya tidak cukup tajam. Saya telah melakukan yang terbaik dan memberi semua yang saya mampu, tetapi, ia bukan hari saya. Bagi Sherbini, beliau memang layak untuk menang," kata Nicol mengulas mengenai perlawanan beliau menentang Sherbini baru-baru ini.




TUN Abdul Rahman Abbas (tiga dari kiri) dibantu Ketua Menteri menyampaikan trofi kemenangan kepada Laura Massaro (tiga dari kanan) sambil diperhatikan Nicol Ann David (empat dari kiri) pada Majlis Penyampaian Kejohanan Skuasy Wanita Dunia Ke-29 di SPICE di sini baru-baru ini.

# Ekonomi kukuh jamin sumbangan 'Emas' berterusan

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**AIR PUTIH** - Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) buat tahun ke-lima meneruskan sumbangan Program Warga Emas kepada setiap yang berusia 60 tahun dan ke atas.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyatakan bahawa keupayaan Kerajaan Negeri memberi sumbangan tahunan tersebut adalah ekoran prestasi kewangan yang kukuh.

Nyata beliau, bukan sesuatu yang mudah untuk mengekalkan prestasi kewangan kukuh.

"Namun, hasil usaha jimat cermat, Kerajaan Negeri berjaya mengotakan janji kepada rakyat," katanya ketika meramahi warga-warga emas di Dewan Undangan Negeri (DUN)nya di sini baru-baru ini.

Seramai 8,000 warga emas DUN Air Itam dan Air Putih layak menerima sumbangan berkenaan.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai yang juga Setiausaha Politik beliau.

Turut diraikan adalah golongan Hawa yang menerima sumbangan bunga daripada Guan Eng sempena sambutan Hari Wanita Sedunia.

Majlis sama turut berlangsung di DUN Pantai Jerejak yang mana dihadiri ADUNnya, Datuk Mohd. Rashid Hasnon dan DUN Batu Maung, Datuk Abdul Malik Abul Kassim.



WARGA-warga emas dibantu dalam proses pendaftaran Program Warga Emas Kerajaan Negeri.



SEBAHAGIAN warga emas menunjukkan wang sumbangan diterima sambil bergambar kenangan dengan Ketua Menteri dan Wong Hon Wai (dua dari kanan).



MOHD. Rashid Hasnon meramahi warga-warga emas yang menerima sumbangan di DUN beliau di sini baru-baru ini.



PARA penerima bagi DUN Batu Maung.

## 207 masjid tunai Solat Istisqa' serentak

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA –** Kesemua 207 masjid di Pulau Pinang baru-baru ini mengadakan Solat Sunat Istisqa' memohon hujan daripada Allah, sejurus selesai Solat Fardhu Jumaat memandangkan musim kemarau berpanjangan hingga mengakibatkan beberapa kebakaran kecil di negeri berkenaan belakangan ini.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Kassim mengumumkan penganjuran majlis munajat itu adalah dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri.

"Kami minta orang ramai dapat tunggu sebentar selepas solat Jumaat untuk sertai solat Istisqa'," katanya yang juga Ahli Majlis bagi Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) pada sidang akhbar dekat Komtar, sehari sebelum berlangsungnya ikhtiar tersebut.

Liputan akhbar Buletin Mutiara di Masjid Sembilang menyaksikan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin menyertai ibadah tersebut di sini.

Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tuan Yang Terutama (T.Y.T), Tun Abdul Rahman Abbas antara pemimpin utama Kerajaan Negeri yang hadir pada program munajat di masjid tersebut.

Afif dan Abdul Rahman disambut oleh Jawatankuasa Qaryah Masjid Sembilang yang dipengerusikan oleh Abdul Halim Arabi.

Sementara itu, ke semua jemaah di sini dihargai dengan jamuan ringkas, sejurus selesai Solat Fardhu Jumaat dan Solat Sunat Istisqa' tersebut.

Beberapa hari selepas berlangsungnya solat tersebut, negeri Pulau Pinang telah dilimpahi hujan dalam tempoh dua hari berturut-turut.



TUN Abdul Rahman Abbas (tengah) disambut Dr. Afif Bahardin (tiga dari kanan) dan Ahli Jawatankuasa Qaryah Masjid Sembilang di sini baru-baru ini. I *Foto: Facebook Dr. Afif Bahardin.*



DI Sekolah Tahfiz Al-Islah, Permatang Tok Bedu, Seberang Perai Utara.



KEADAAN di Masjid Negeri.

# Takungan air kotor masjid mula bersih

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**



KEADAAN sebelum.

**TANJUNG BUNGA** – Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Hariszuan Jaharudin baru-baru ini berkata, takungan air kotor di bawah Masjid Terapung Tanjung Bunga mula dibersihkan secara semulajadi dek air laut pasang yang merentasi beting pasir pertama, walaupun kerja-kerja mengeruk beting pasir kedua masih dijalankan di sini.

Menurut beliau, pihaknya masih menunggu laporan penuh daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), termasuk mempertimbang syor Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng untuk meratakan semua beting pasir yang diklasifikasikan tidak membahayakan penduduk sekitar serta habitat laut, di sini.

"Kita masih menunggu laporan penuh daripada JPS walaupun IWK (Indah Water Konsortium Bhd.) menjelaskan air kumbahan yang dilepaskan di sini (ke pesisiran pantai) telahpun dirawat," ujarnya kepada wartawan selepas melawat keadaan beting pasir pertama yang siap diratakan sebelum ini.

Ahli Majlis MPPP, Lee Chun Kit dan Roslan Abu Bakar (Pengerusi Qaryah Masjid Terapung Tanjung Bunga) turut sertai sidang media tersebut.

Tambah Hariszuan, Pejabat Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari sendiri sedang mempertimbangkan cadangan memulihara semula Masjid Lama Tanjung Bunga serta kawasan sekitar di sini bergantung pada laporan penuh daripada JPS.

Terdahulu, Kerajaan Negeri menerima aduan daripada penduduk qaryah di sini berhubung isu takungan air kotor di bawah masjid tersebut.

Guan Eng serta Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow serta beberapa jabatan kerajaan berwajib lantas turun meninjau masalah malar segar tersebut.

Hasil lawatan itu, Guan Eng mengarahkan kerja-kerja mengeruk beting pasir pertama sepanjang 20 meter tersebut dilakukan segera, dan siap dalam masa empat hari seperti dirancang.



**HARISZUAN Jaharudin, Lee Chun Kit serta Ahli Jawatankuasa Qaryah Masjid Terapung Tanjung Bunga menyaksikan kerja-kerja mengeruk beting pasir kedua di sini baru-baru ini.**



**PROSES mengeruk bagi mewujudkan terusan yang dijalankan sebelum ini.**

# Vaksin FMD percuma hanya di P. Pinang – Exco

**JAWI** – Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, Kerajaan Negeri sejak tahun 2011 membelanjakan kira-kira RM200,000 tiap-tiap tahun bagi memberi vaksin penyakit mulut dan kuku (FMD) secara percuma kepada pemilik ladang ternak khinzir di Pulau Pinang.

"Kira-kira 330,000 khinzir yang diternak di negeri ini disuntik dengan vaksin supaya jauh daripada penyakit FMD ini.

"Hanya (Kerajaan Negeri) Pulau Pinang sahaja yang memberi vaksin FMD khinzir ini dan kes terakhir FMD bagi ternakan berkenaan di negeri ini adalah pada tahun 2010," ujarnya di Dewan Serbaguna Jawi di sini baru-baru ini.



**DR. Afif Bahardin (tengah), Dr. Johari A. Bakar (sembilan dari kiri) dan Tan Kwen Hin (sembilan dari kanan) merakamkan gambar bersama-sama penerima-penerima vaksin FMD pada majlis penyampaian sumbangannya di sini baru-baru ini.**

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Pulau Pinang, Dr. Johari A. Bakar dan Tan Kwen Hin (Pengerusi Persatuan Babi Pulau Pinang) turut berucap pada majlis itu.

Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya berkata, tiap-tiap khinzir induk betina dan jantan wajib disuntik dengan vaksin tersebut mengikut jadual ditetapkan.

Difahamkan, sebotol vaksin FMD adalah berharga RM250 dan boleh disuntik pada 50 khinzir induk.

Sebanyak 83 pengurus ladang ternak babi sekitar Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) menerima sumbangan vaksin FMD pada kali ini.

Itu, tidak termasuk 86 pemilik ladang serupa di Daerah Seberang Perai Utara (86), Daerah Barat Daya (15) dan Daerah Seberang Perai Tengah (13) yang turut menerima sumbangan serupa pada majlis berasingan, sebelum ini.

Dalam perkembangan berkaitan, Afif mengulangi iltizamnya untuk mengambil tindakan wajar kepada penternak yang gagal mematuhi garis panduan, sebagaimana disediakan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).

Justeru, katanya, pengurus ternak khinzir diingatkan segera menaiktaraf sistem sisa masing-masing dalam masa setahun ini, sekiraya tidak mahu berdepan dengan risiko penarikan permit ternak oleh PBT kelak.

Sebelum itu, Johari menegaskan bahawa DVS bermula tahun depan akan mengetatkan peraturan ternak babi serta tidak akan memberi permit kepada pemilik ladang yang tidak memenuhi piawaian ditetapkan PBT.

# Tagih kerjasama penduduk pulih kerosakan

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**



JAGDEEP Singh Deo (kiri) dan Cheah Kah Peng pada sesi sidang media berhubung Flat Perumahan Awam Padang Tembak di sini baru-baru ini.

**KEBUN BUNGA -** Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo melahirkan kekesalan ekoran sikap beberapa penduduk yang enggan bekerjasama menangani masalah paip pembentungan bocor di Flat Perumahan Awam Padang Tembak di sini.

Kenyataan tersebut dinyatakan beliau pada sidang media bagi memohon kerjasama penduduk berhubung isu berkenaan bagi membolehkan usaha-usaha pembaikan dijalankan.

Katanya, hasil maklum balas menunjukkan bahawa seramai 12 pemilik unit enggan memberi kerjasama sewajarnya bagi menyelesaikan masalah tersebut.

"Apabila kontraktor ingin memasuki unit di tingkat atas bagi membaikpulih kerosakan paip membabitkan unit rumah bawah, penghuni-penghuni berkaitan tidak membenarkan mereka (kontraktor) masuk.

"Situasi ini sedikit sebanyak telah mengganggu kelancaran proses membaiki sistem perpaipan terbabit," katanya di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Cheah Kah Peng.

Sebelum ini, kerja-kerja membaik pulih kerosakan sistem pembentungan di flat berkenaan termasuk dalam pakej pertama kerja baik pulih melibatkan 2,112 unit rumah di sini dengan belanja sebanyak RM3,639,817.47, pakej kedua (RM3,220,412.62) yang dilaksanakan sejak Jun 2012 adalah membabitkan 1,632 unit rumah.

Walau bagaimanapun, sehingga hujung tahun lalu, pihak pengurusan Perumahan Awam Padang Tembak menerima 420 aduan dari pakej satu serta pakej dua, 462.

Sebahagian kerosakan dilaporkan telah dibaiki.

Menurut Jagdeep, selain dilema tersebut, kontraktor turut berdepan dengan masalah penghuni-penghuni yang keluar bekerja pada awal pagi dan hanya pulang pada lewat malam.

"Situasi ini juga menyebabkan kontraktor tidak dapat memasuki unit-unit rumah berkaitan," jelas beliau yang juga ADUN Datuk Keramat.

Dalam pada itu, Kah Peng menyatakan bahawa beliau sedaya upaya akan menemui penduduk dalam tempoh masa seminggu ini bagi mencari jalan penyelesaian berhubung masalah-masalah berbangkit.

## 2,000 sertai Karnival Mini KADUN Pmtg. Pasir

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**



MOHD. Salleh Man (depan, kiri sekali) menyantuni salah seorang warga emas di Maybank Cawangan Sungai Dua.

**PERMATANG PASIR -** Hampir 2,000 komuniti setempat menyertai seharian Karnival Mini Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Permatang Pasir di sini baru-baru ini.

Lebih 120 kanak-kanak di bawah umur 12 tahun menyertai acara mewarna anjuran Perbadanan Perpustakaan Besar Pulau Pinang (PPBPP).

Pelbagai pameran lain daripada Jabatan Kesihatan Daerah, Bank Simpanan Nasional (BSN), Pos Malaysia, Telekom Malaysia (TM), Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) Zakat Pulau Pinang (ZPP) serta sembilan Jawatankuasa Komuniti dan Keselamatan Komuniti (JKKK) sekitar KADUN Permatang Pasir masing-masing turut dibuka di sini.

Paling menarik, adalah demontrasi pasukan Bomba dan Penyelamat memadamkan api sebagai persiapan mendepani musim kemarau, sekarang.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Datuk Mohd. Salleh Man semasa berucap menasihatkan semua pihak supaya mengamalkan gaya hidup sihat dalam kalangan ahli keluarga dalam mendepani musim kemarau serta wabak denggi, belakangan ini.

"Program seumpama ini sangat penting sekarang, insyaAllah akan diadakan dari semasa ke semasa untuk mendekatkan komuniti setempat dengan agensi-agensi Kerajaan Negeri.

"Saya merayu kepada semua pihak supaya jaga kesihatan keluarga pada musim kemarau dan wabak denggi berbahaya sekarang ini," ujarnya yang juga Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

Hadir sama, Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Jusni Ismail, Omar Hassan (Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Ir. Wan Ahmad Rafaie (Ketua Pemuda PAS Kawasan Permatang Pauh), Azizah Ismail (Jurucakap Briged Wanita Kawasan Permatang Pasir) dan Sharuddin Ali (anggota JKKK Permatang Pasir).

Dalam pada itu, Mohd. Salleh turut merakamkan penghargaan kepada JKKK Permatang Pasir dan JKKK Pengkalan Tambang serta Bridged Wanita setempat atas kejayaan menganjurkan karnival mini tersebut di KADUN Permatang Pasir dan Pusat Khidmat Rakyat Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sebelum itu, Mohd. Salleh dan Wan Ahmad Rafaie melawat penerima sumbangan warga emas RM100 di Maybank Cawangan Sungai Dua di sini.

## Baiki segera demi keselamatan pelajar - Jagdeep



STRUKTUR bangunan SJKT Ramakrishna yang sudah usang.

**GEORGE TOWN –** Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo, menggesa Kementerian Pendidikan supaya mempercepatkan kerja baik pulih bangunan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Ramakrishna yang terletak di Jalan Scotland di sini.

Berdasarkan laporan semasa, Jagdeep memaklumkan bahawa peruntukan telah disalurkan bagi pembinaan semula struktur usang sekolah berkenaan.

"Persoalan yang timbul di sebalik isu ini ialah, bilakah mereka (kementerian) akan memulakan kerja?," soalnya yang turut menyatakan bahawa peruntukan sebanyak RM3.5 juta telah disalurkan oleh Kerajaan Pusat pada Disember 2012 dan tambahan RM500,000 (Julai 2013) juga telah diberi.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar ketika mengadakan lawatan ke sekolah berkenaan di sini baru-baru ini.

Menurut Jagdeep, ekoran keadaan kelas yang membimbangkan dan tidak kondusif untuk proses pembelajaran, sebahagian pelajar terpaksa ditempatkan di bilik darjah-bilik darjah lain.

"Sekolah ini mempunyai 321 pelajar.

"Bagaimana mereka hendak belajar dalam situasi sedemikian rupa,'' tegas Jagdeep.

Sebagai tindakan lanjut, Jagdeep telah menulis surat kepada Kementerian Pendidikan sejak Mei tahun lalu berhubung perkara berkaitan, namun tidak dibalas.

Justeru, beliau sekali lagi akan mengambil tindakan sama (menulis surat) bagi mendapatkan respon segera daripada pihak berkenaan.

# PP janjikan bandaraya antarabangsa & pintar – KM

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** – Kunci kejayaan kepada ekonomi masa depan bukan bergantung pada satu sektor sahaja, sebaliknya saling bergantungan antara aspek pembuatan, perkhidmatan dan kerajaan, kata Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada Forum Pulau Pinang Janjikan Bandaraya Pintar baru-baru ini di sini.

Guan Eng berkata, dalam mencari penumpuan, kerajaan memainkan peranan penting di antara sektor pembuatan dan perkhidmatan.

"Kerajaan mesti membuat pembaharuan melalui dasar-dasar baru seperti liberalisasi peraturan sedia ada, membenarkan persaingan bebas dan adil serta menggalakkan pembentukan modal insan dan bakat manusia.

"Pada masa sama, kita menggalakkan pembangunan infrastruktur terutamanya pendidikan dengan menarik institusi pendidikan bertaraf dunia.

"Kami membantu untuk membina kapasiti negeri ini (Pulau Pinang) ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan dengan memaksimumkan kandungan tempatan, menambah nilai melalui kawasan perindustrian bersepadu dan menggalakkan ekonomi serta keusahawanan," ujarnya pada Forum Pulau Pinang Janjikan Bandaraya Antarabangsa dan Pintar di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Delegasi Kesatuan Eropah ke Malaysia, Luc Vandebon, wakil *Malaysia Dutch Business Council* (MDBC), Sjaak Ligthart, wakil *American Malaysia Chamber of Commerce* (AMCHAM), Datuk Wong Siew Hai dan Pengurus Besar *investPenang* (iP), Loo Lee Lian.

Tambah Guan Eng, Pulau Pinang telah dipilih sebagai salah satu daripada 31 bandar-bandar baru yang muncul untuk operasi Hab Teknologi Maklumat Penyumberan Luar Proses Perniagaan (IT-BPO).

"IT-BPO Hub ini merangkumi tiga komponen iaitu IT-BPO Park di Bayan Lepas (74 ekar), BPO Perdana di Bayan Baru (tujuh ekar) dan Animasi Pencetus Kreatif (CAT) dalam wilayah warisan George Town (100,000 kaki persegi).

"IT-BPO Hub akan membawa arus model perniagaan yang unik ke Pulau Pinang.

"Melalui kekuatan pembuatan yang ada, kami juga bersedia menjadi sebuah lokasi latihan bagi membina keupayaan baru, kemahiran dan kerjaya.

"Projek ini akan menjana 30,000 pekerjaan berintensif pengetahuan dan bernilai tinggi buat rakyat Malaysia," ujar beliau.



KETUA Menteri bergambar kenangan bersama-sama wakil delegasi antarabangsa yang turut serta pada Forum Pulau Pinang Janjikan Bandaraya Antarabangsa dan Pintar di sini baru-baru ini.

## Bekalan air negeri pada tahap terbaik



KETUA Menteri dan Ir. Jaseni Maidinsa (dua dari kanan) bersama-sama barisan Exco menikmati keindahan air terjun ketika lawatan khas ke loji rawatan air Taman Botani.

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**KEBUN BUNGA** – Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menegaskan bahawa Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) belum bercadang menjalankan catuan air walaupun sedang melalui cuaca panas di sini.

Hal tersebut dimaklumkan selepas sesi lawatan ke loji rawatan air di Taman Botani bersama Pengurus Besar PBAPP, Ir. Jaseni Maidinsa bersama barisan Exco Kerajaan Negeri baru-baru ini.

"Paras air tiga empangan utama ketika ini adalah 67.3 peratus di Empangan Air Itam, Empangan Mengkuang (40.2 peratus) dan Empangan Teluk Bahang (83.9 peratus).

"Walaupun kapasiti Empangan Mengkuang dilihat rendah, namun kita (Kerajaan Negeri) tidak bimbang kerana aliran Sungai Muda yang menjadi nadi utama masih mengalir dengan baik pada ketika ini," katanya pada sesi lawatan khas tersebut di sini baru-baru ini.



KOLAM loji rawatan air Taman Botani di sini.

Dalam pada itu, Jaseni menyatakan bahawa Jabatan Meteorologi meramalkan hujan akan mula turun menjelang bulan April kelak.

"Walaupun musim hujan akan datang tidak lama lagi, namun langkah penjimatan harus dikekalkan oleh para pengguna bagi menjamin bekalan air mencukupi dan tiada sebarang catuan air perlu dilaksanakan," nyata beliau.

## SUPOL KM baru angkat sumpah

WONG Hon Wai mengangkat sumpah sebagai SUPOL baru Ketua Menteri dalam majlis di sini baru-baru ini.



Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai mengangkat sumpah sebagai Setiausaha Politik (SUPOL) kepada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menggantikan Ahli Parlimen Tanjung di sini baru-baru ini.

Guan Eng menyerahkan watikah pelantikan Hon Wai pada majlis ringkas yang berlangsung di Pejabat Ketua Menteri di sini.

Pada majlis tersebut, Hon Wai mengangkat sumpah di hadapan Guan Eng.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, barisan Exco dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN).

Sejurus selepas lantikan tersebut, Hon Wai mengumumkan bahawa beliau akan melepaskan jawatan sebagai Pengerusi Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang dan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Awam (PAC) dalam waktu terdekat.

Dalam tempoh enam tahun sebelum ini, jawatan berkenaan dijawat oleh Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik.

Wei Aik melepaskan jawatan tersebut dengan rela hati selepas mengambil kira keperluan memberi sepenuh tumpuan sebagai Ahli Parlimen.

# Nicol cuba persembah permainan terbaik

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**




NICOL Ann David (kanan, berbaju jingga) ditemani Loo Wee Wern ketika sesi pertemuan khas bersama pihak media di sini baru-baru ini.

**BAYAN BARU –** Ratu Skuasy Negara, Datuk Nicol Ann David cuba memburu misi kejuaraan ke-lapan Kejohanan Wanita Skuasy Dunia CIMB Ke-29 yang berlangsung pada 15 hingga 23 Mac di negeri kelahiran beliau, Pulau Pinang.

Pemain nombor satu dunia itu ketika ditemubual (sebelum perlawanan akhir) berkata, kejohanan kali ini bakal menjadi pertembungan paling bermakna buat dirinya kerana bakal berentap di hadapan peminatnya sendiri.

"Ini sudah tentu yang paling diingati selamanya kerana kejohanan dunia ini berlangsungnya di tempat saya sendiri.

"Saya tidak sabar untuk berentap di kejohanan yang berjaya mengumpulkan semua pemain utama di sini (Pulau Pinang)," ujarnya pada sesi pertemuan khas bersama pihak media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, pemain nombor tujuh dunia, Loo Wee Wern dan Ketua Eksekutif World Squash Association (WAS), Kim Creamer.

Ketika ditanya mengenai persediaannya dalam kejohanan tersebut, Nicol menyatakan bahawa beliau telah menjalani fasa latihan penuh bagi memastikan segalanya persediaan adalah pada tahap maksima.

"Saya akan cuba sedaya upaya mempersembahkan permainan yang terbaik.

"Moga saya mampu membanggakan negeri dan negara," ujarnya.

Pada masa sama, beliau turut mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan agensi-agensi terlibat ekoran kejayaan menganjurkan kejohanan dunia tersebut dalam tempoh yang singkat.

"Pulau Pinang akan menjadi fokus dunia apabila lebih 68 pemain dari lebih 20 negara akan berada di sini. Ini adalah kejohanan yang berprestij," kata beliau.

***(Temuramah ini adalah sebelum berlangsungnya perlawanan akhir kejohanan*)**.

# ANGKASA dilantik sebagai amil zakat P.Pinang

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**




(Dari kiri), SHEIKH Ismail Md. Allapitchay, Mohamad Ali Hasan, Mohd. Salleh Man dan Azman Abdul Somat pada majlis bertukar dokumen MOA di sini baru-baru ini.

**SEBERANG JAYA –** Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) baru-baru ini dilantik sebagai wakil pemungut zakat atau amil bagi semua koperasinya di negeri ini, selepas memeterai satu perjanjian persefahaman (MOA) dengan Zakat Pulau Pinang (ZPP).

Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Datuk Mohd. Salleh Man berkata, kerjasama kedua-dua belah pihak itu diharap dapat menjayakan Kempen 2014 Tahun Zakat Perniagaan.

"Ini merupakan pelantikan kedua dilakukan Zakat Pulau Pinang, selepas kita melantik Pos Malaysia yang dilakukan (MOA) pada tahun 2007.

"Diharap, dengan adanya kerjasama ini, dapat melonjak lagi pungutan zakat perniagaan pada tahun ini (2014)," ujar Mohd. Salleh pada Majlis Menandatangani MOA Pelantikan ANGKASA Sebagai Wakil Kutipan Zakat di sini baru-baru ini.

Naib Presiden ANGKASA, Prof. Madya Datuk Mohamad Ali Hasan turut berucap pada majlis bersejarah itu.

Mohd. Salleh mewakili ZPP pada majlis MOA itu dengan disaksikan Pengurus Besar ZPP, Dr. Azman Abdul Somat.

Manakala, ANGKASA diwakili Mohamad Ali dan disaksikan oleh Pengerusi Perhubungan Angkasa Pulau Pinang, Sheikh Ismail Md. Allapitchay.

Hadir sama, Mufti Pulau Pinang, Sohibus Samahah Datuk Seri Hassan Ahmad dan Datuk Mokhtar Mohd. Jait (Pegawai Kewangan Kerajaan Negeri) serta beberapa Ahli Majlis MAINPP.

Sebelum itu, Mohamad Ali merakamkan penghargaan kepada ZPP kerana memberi peluang bekerjasama dengan ANGKASA.

"Saya bersyukur kerana Zakat Pulau Pinang bersetuju untuk melantik ANGKASA sebagai amil zakat. Bagi kami (ANGKASA), zakat ini sudah cukup untuk membawa maksud CSR atau tanggungjawab sosial korporat.

"(Inisiatif ini) at-ta'awun atau (saling) bekerjasama bersama-sama untuk manfaat bersama, ANGKASA akan memainkan peranannya," ujar Mohamad Ali.

Dalam perkembangan sama, Mohd. Salleh mengumumkan ZPP berjaya mengutip zakat sebanyak RM85 juta pada tahun lepas, walaupun pihaknya mensasar kutipan RM80 juta sahaja.

Mohd. Salleh memberitahu, ZPP mensasarkan keseluruhan kutipan zakat untuk tahun ini, termasuk zakat perniagaan adalah sebanyak RM95 juta.

# Peminjam PTSR diseru disiplin bayar pinjaman

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BAYAN BARU -** Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon menyeru supaya para peminjam Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) mendisiplinkan diri masing-masing dalam pembayaran balik wang berkenaan mengikut jadual ditetapkan.

Seruan tersebut dinyatakan pada Majlis Penyampaian Cek Pinjaman PTSR kepada 53 penerima baru di sini baru-baru ini.

Kata Mohd. Rashid, sejak skim pinjaman tersebut diperkenalkan pada tahun 2009 hingga kini, seramai 1,726 usahawan kecil tempatan yang memohon terpilih menerima pinjaman membabitkan dana bernilai kira-kira RM7 juta.

Mengulas lanjut, Mohd. Rashid menyatakan bahawa sehingga kini, kegagalan pembayaran mengikut jadual adalah berjumlah 12 peratus.

"Walaupun hanya 12 peratus, namun ia tidak wajar dipandang ringan kerana nilai itu boleh meningkat yang mana sebelum ini (ketika mula diperkenalkan) hanya berjumlah sembilan peratus sahaja.

"Apabila disiplin dalam soal pembayaran balik, para penerima kini berpeluang memperoleh pinjaman kali kedua dan mungkin yang ketiga," katanya di sini baru-baru ini.

Objekif PTSR yang diperkenalkan hasil usahasama Kerajaan Negeri bersama Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) adalah untuk mewujudkan suatu sistem penyaluran modal yang mudah dan tidak membebankan kepada usahawan kecil di Pulau Pinang.

Pinjaman tersebut dapat membantu para usahawan kerana ia diberikan tanpa faedah serta nilai pinjaman kini meningkat kepada RM10,000.

Bagi Dzorazdini Ibrahim, 34, yang menjalankan perniagaan pencetakan, beliau akan menggunakan suntikan RM4,000 yang diperoleh untuk membeli mesin cetakan.

"Saya mengusahakan perniagaan berasaskan pencetakan seperti sepanduk, pelekat serta kad kahwin.

"Dana ini akan digunakan sebaik mungkin untuk membeli mesin baru bagi menjamin kualiti kerja lebih baik," ujarnya yang menjalankan perniagaan di sebuah pasaraya di Jalan Tengah, Bayan Baru di sini.

Seorang lagi penerima R. Sureshkumar, 30, dari Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan (SPS) menyatakan bahawa beliau akan menggunakan pinjaman bernilai RM5,000 tersebut bagi menaiktaraf dan memperbesarkan tapak kawasan cuci kereta miliknya.



R. Sureshkumar.



DZORAZDINI Ibrahim.

# Dr. Wu Lien-Teh inspirasi P. Pinang - KM

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**




ZAIRIL Khir Johari ketika berucap pada penganjuran Simposium Dr. Wu Lien-Teh di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** *Penang Institute* (PI) dengan kerjasama Kolej Perubatan Pulau Pinang (PMC) baru-baru ini menganjurkan Simposium Dr. Wu Lien-Teh sebagai mengingati kejayaan tokoh perubatan tersebut di negeri ini dalam dunia perubatan global.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap, kekayaan nilai sejarah lampau dan prospek ekonomi masa depan yang wujud di Pulau Pinang dapat menjadi inspirasi istimewa kepada rakyat serta mereka yang melancong ke negeri ini.

"Dr. Wu yang merupakan tokoh terkenal dalam dunia perubatan dunia memang inspirasi kepada kita semua.

"Apa yang kita lihat sebagai wilayah kecil bersejarah George Town Tapak Warisan Dunia sebenarnya adalah hasil daripada penyatuan warisan agama, sosial, ekonomi dan politik.

"Dalam erti kata lain, ia adalah pertemuan pelbagai budaya dan etnik yang telah membuat, dan terus membuat, Pulau Pinang tempat yang istimewa," ujarnya pada Majlis Jamuan Malam Simposium Dr. Wu Lien-Teh di sini baru-baru ini.

Turut berucap, Ketua Pegawai Eksekutif PI, Zairil Khir Johari, yang juga Ahli Parlimen Bukit Bendera.

Difahamkan, Pengarah Universiti-Universiti bagi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Prof. Tony Capon membuat pembentangan ilmiah pada sebelah siang forum tersebut, manakala, Pengarah PMC, Professor of Medicine, Professor Amir S. Khir pula menyampai ucapan alu-aluan pada simposium tersebut.

Menurut Guan Eng, sumbangan Dr. Wu serta penyokongnya seperti penubuhan akhbar bercetak Kwong Wah Yit Poh di negeri ini demi menggerakkan revolusi China masih boleh dilihat sampai sekarang.

Itu, katanya lagi, tidak termasuk kewujudan Kriteria Press pada tahun 1883, adalah syarikat pertama untuk menerbitkan akhbar dalam tiga bahasa - Melayu, Inggeris dan Cina, iaitu Chahyah Pulau Pinang , *The Straits Echo* dan *The Penang Sin Poe*.

Tambahnya, Pulau Pinang wajar dibanggakan sebagai pelopor sejarah kerana Seniman Agung P. Ramlee serta tokoh refomis Islam, Syed Sheikh Al-Hadi juga pernah mengukir sejarah besar masing-masing di negeri ini.

Selain itu, Guan Eng berkata, kedudukan Pulau Pinang yang strategik melayakkan negeri ini menjadi salah satu pelabuhan interport, serta menjadi pusat berhimpunan jemaah haji sekitar rantau ini ke Makkah pada awal tahun 1970-an.

Justeru, harapan beliau, penubuhan Hab Teknologi Maklumat Penyumberan Luar Proses Perniagaan (IT-BPO) bernilai RM3.3 bilion serta beberapa kejayaan lain di negeri ini baru-baru ini dapat terus melonjak potensi Pulau Pinang sebagai masa depan Malaysia.



SEORANG peserta simposium memerhatikan arca memorial Dr. Wu Lien-Teh yang ditempatkan di PMC di sini.

Dr. Wu Lien-teh merupakan individu pertama yang memenangi biasiswa Queen dalam Straits Settlement bagi pengajian perubatan di Universiti Cambridge selepas menamatkan pengajian di Penang Free School pada 1896.

Beliau juga merupakan rakyat pertama negara dicalonkan untuk Hadiah Nobel dalam bidang perubatan pada 1935 ekoran sumbangan beliau dalam bidang berkenaan termasuk melawan wabak pneumonia yang melanda beberapa bahagian negara China pada ketika itu, malah juga telah memodenkan perkhidmatan perubatan China.

Selepas meninggalkan Malaya (kini Malaysia) pada tahun 1908 ekoran penerimaan jemputan daripada Grand Councillor Yuan Shikai dari kerajaan Dinasti Qing di Peking bagi penjawatan Timbalan Pengarah Imperial Army Medical College di Tianjin. Beliau kemudian dihantar ke Harbin untuk menyiasat wabak misteri pneumonia yang telah mengorbankan 60,000 nyawa. Atas daya usaha sendiri, beliau berjaya menyelamatkan beribu-ribu nyawa penemuan penawar wabak berkenaan.

Walaupun kekurangan sumber maklumat dan kemudahan dalam melawan wabak di Harbin, beliau berjaya mewujudkan beberapa makmal dan hospital di sana. Malah, stesen kuarantin dan lokasi 'pembakaran' mayat pesakit berjaya menghentikan penularan wabak pada tahun 1911. Kemudian, beliau berjaya menghapuskan epidemik malaria pada 1919 dan perulangan wabak sama, 1921.

Pada tahun 1937, Dr. Wu kembali ke Malaya dan mewujudkan praktis perubatan di Ipoh yang mana beliau memberi perkhidmatan percuma kepada golongan tidak mampu.

# Laporan siasatan pencemaran Sg. Batu Feringghi siap

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**BATU FERINGGHI -** Hasil siasatan laporan terkini Jabatan Alam Sekitar (JAS) kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri pada 28 Februari lalu telah mengenalpasti bahawa punca berlakunya pencemaran air di Sungai Batu Feringghi di sini salah satunya adalah daripada loji Indah Water Konsortium (IWK).

Selain itu, beberapa premis turut dikenalpasti sebagai punca kejadian, iaitu, tiga premis makanan, kedai dobi (3) dan kedai mencuci kereta di kawasan berhampiran.

Perkara tersebut diumumkan Pengerusi Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow pada sidang media di sini baru-baru ini.






PAIP yang dipercayai menjadi punca pencemaran Sungai Batu Feringghi di sini sebelum ini.

Katanya, perkara tersebut dijelaskan berdasarkan siasatan laporan terkini JAS.

"JAS telahpun menyiapkan kertas siasatan berhubung masalah pencemaran di Sungai Batu Feringghi.

"Kertas siasatan ini adalah dibuat berdasarkan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 dan ia (laporan) telah diserahkan kepada Pegawai Undang-undang JAS Persekutuan untuk tindakan lanjut pihak terbabit," tegasnya di sini.

Hadir sama, Setiausaha Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Ir. Ang Aing Thye dan Timbalan Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Khuzai Hussain.

Dalam pada itu, Kon Yeow turut meminta agensi-agensi berkaitan supaya turut mengambil tindakan wajar berhubung masalah tersebut kerana ia adalah di luar bidang kuasa JAS.

## TAWARAN PROJEK PERUMAHAN KOS RENDAH/KOS SEDERHANA RENDAH

### SENARAI PEMOHON BERJAYA
### PROJEK : I-PARK, DAERAH BARAT DAYA
### TARIKH PEMILIHAN : 18 FEBRUARI 2014

| BIL | NAMA | NO KAD PENGENALAN | ALAMAT | TARIKH MENDAFTAR | TARIKH KEMASKINI |
|---|---|---|---|---|---|
| | CINA | | | | |
| 1 | OOI HOCK SAI | 591XXXX/60080207XXXX | 28, LINTANG SUNGAI ARA DUA, 11900 SUNGAI ARA, BAYAN LEPAS, PULAU PINANG | 11/11/2010 | 11/11/2010 |
| 2 | LAI YIN NEE | A320XXXX/76011607XXXX | 4, TINGKAT SUNGAI ARA 2, TMN SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG | 27/04/2011 | 27/04/2011 |
| 3 | GAN PHOOI YEE | 90121907XXXX | BLOK 6-3-17, TINGKAT NIPAH, TMN LIP SIN 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG | 16/05/2012 | 16/05/2012 |
| 4 | KHAW CHYE HUA | 503XXXX/56100307XXXX | 127, LINTANG SG ARA 1, BAYAN LEPAS, PULAU PINANG | 07/11/2013 | 07/11/2013 |

| BIL | NAMA | NO KAD PENGENALAN | ALAMAT | TARIKH MENDAFTAR | TARIKH KEMASKINI |
|---|---|---|---|---|---|
| | MELAYU | | | | |
| 1 | OSMAN BIN AHMAD | 336XXXX/38121707XXXX | 432-C, JALAN TANJONG TOKONG 10470 PULAU PINANG | 01/06/1982 | 20/8/1991 |
| 2 | ZURIYATY BINTI ZAINUDDIN | A294XXXX/74112807XXXX | ZURIYATY BINTI ZAINUDDIN | 01/06/1995 | 12/08/2008 |
| 3 | SUZALY BIN ADAM | A111XXXX/68110407XXXX | 48, BLOK A, MUKIM 12 SUNGAI NIBONG BESAR, 11900 BYN LEPAS PULAU PINANG | 01/06/1995 | 27/04/2012 |
| 4 | ROSNAH BINTI IBRAHIM | 509XXXX/56113007XXXX | 2-4-18, TAMAN MANGGIS, JLN ZAINAL ABIDIN, 10400 GEORGETOWN, PULAU PINANG | 06/01/1996 | 06/01/1996 |
| 5 | SITI EMBONG KARTINI BINTI AHMAT | A233XXXX/72092107XXXX | D/A 1116, MUKIM 9, KAMPUNG SULIP, JLN KG MASJID, TELUK KUMBAR 11920 PULAU PINANG | 01/06/1997 | 21/01/2014 |
| 6 | ERNI ZULIANA BT SULAIMAN | A375XXXX/77072707XXXX | 1237, MUKIM 11, KAMPUNG BINJAI JLN PERMTG DAMAR LAUT 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG | 23/08/2002 | 11/11/2013 |
| 7 | SITI AISHAH BINTI ISMAIL | 6888XXXX/62101802XXXX | NO.49, PINTASAN BAHAGIA 4, BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG | 23/05/2003 | 18/06/2007 |
| 8 | SITI FATIMAH BINTI MUSTAPHA | 80062203XXXX | AB-25, SUNGAI NIBONG TENGAH 11950 PULAU PINANG | 05/06/2007 | 16/08/2013 |
| 9 | NUR HAZMA BINTI HASSAN | A370XXXX/77100407XXXX | NO.10, GERBANG SUNGAI ARA 6, TMN PAGAR BULUH 11900 BYN LEPAS PULAU PINANG | 31/07/2007 | 12/11/2013 |
| 10 | MOHD HUSAIF BIN HUSSEIN | 86051329XXXX | BLOK C, NO.17, RMH TERES UDA LAND TANJONG TOKONG 10470 PULAU PINANG | 04/08/2008 | 04/08/2008 |
| 11 | ELIAS BIN MD SHARIFF | 432XXXX/52092407XXXX | 432-C, JALAN TANJONG TOKONG 10470 PULAU PINANG | 14/05/2008 | 14/05/2008 |
| 12 | ABDUL RAHIM BIN CHE DIN | 456XXXX/54021207XXXX | 281-J, JLN PEKELILING 11700 GELUGOR PULAU PINANG | 15/05/2008 | 15/06/2012 |
| 13 | MOHD AKHIR BIN HASHIM | A105XXXX/68072207XXXX | 1-2-26, TAMAN VANILA, TINGKAT SUNGAI BATU, SUNGAI BATU 2, TELUK KUMBAR 11920 PULAU PINANG | 11/07/2008 | 04/10/2013 |
| 14 | SURIA BT YAHAYA | A266XXXX/73111102XXXX | 432-C, JALAN TANJONG TOKONG 10470 PULAU PINANG | 16/07/2008 | 16/07/2008 |
| 15 | LILI SAZLEEN BIN BAHARI | 82080307XXXX | 601, SOLOK SUNGAI ARA 2, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG | 12/11/2008 | 13/04/2013 |
| 16 | MONA YAZFIZZA BINTI MD ALI | 79042107XXXX | 8-2-10, PERSIARAN MAYANG PASIR 5 11950 BUKIT GEDUNG BAYAN BARU, PULAU PINANG | 23/12/2008 | 10/12/2013 |
| 17 | SITI HARTINI BINTI MUHAMMAD | A355XXXX/77012007XXXX | NO.2-4-1, PERSIARAN MAYANG PASIR 5 11950 BAYAN BARU PULAU PINANG | 02/02/2009 | 29/09/2009 |
| 18 | ZALINA BINTI ABD WAHAB | 80021309XXXX | A-4-13, TMN DESA RELAU, LEBUH RELAU 2, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG | 10/09/2009 | 14/11/2013 |
| 19 | MOHD FAIZ BIN ARIS | 85010207XXXX | 13, HILIR NIBONG 1, BAYAN BARU, 11950 PULAU PINANG | 14/12/2009 | 10/05/2012 |
| 20 | ZULKARNAIN B.DIN | A265XXXX/73021914XXXX | 1-6-11, ARAMAS APARTMENT, LEBUH SUNGAI ARA 1, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG | 27/04/2011 | 27/04/2011 |
| 21 | NOR AZULINA BINTI NORDIN | 86082935XXXX | A-4-43, SUNGAI NIBONG TENGAH 11950 BAYAN BARU PULAU PINANG | 31/10/2011 | 31/10/2011 |
| 22 | ZAKARIA BIN SHAARI | 553XXXX/60071707XXXX | NO.8-4-5, TMN TELUK KUMBAR, LINTANG SUNGAI BATU, 11900 TELUK KUMBAR, PULAU PINANG | 12/05/2012 | 13/12/2012 |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 23 | MOHAMAD RAFIE BIN SEENI MYDIN | 90072507XXXX | T1-1001, BLOK K, MUKIM 12, PERMATANG DAMAR LAUT, 11960 BYN LEPAS PULAU PINANG | 26/11/2012 | 17/10/2013 |
| 24 | ZASYITA BINTI ELIAS | A233XXXX/72102207XXXX | NO.3-G-02, LINTANG KAMPUNG MASJID, TMN TELUK 11920 TELUK KUMBAR, PULAU PINANG | 11/10/2013 | 11/10/2013 |
| 25 | SITI NABILAH BINTI ISMAIL | 90073007XXXX | AA-41, SUNGAI NIBONG KECIL 11900 BAYN LEPAS PULAU PINANG | 10/01/2013 | 10/01/2013 |
| 26 | SALIZA BINTI MANAF | 80072507XXXX | AC-2, SUNGAI NIBONG TENGAH 11900 BAYAN LEPAS PULAU PINANG | 10/02/2013 | 10/02/2013 |
| 27 | AZLAN SHAH BIN MUHAMMAD ZABRI TAN | 90022307XXXX | 21-1-12, DESA RAHMAT, 11900 BAYAN LEPAS PULAU PINANG | 10/02/2013 | 10/02/2013 |
| 28 | HAMZAH BIN ISMAIL | 84100308XXXX | AC137, SUNGAI NIBONG TENGAH 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG | 16/08/2013 | 16/08/2013 |
| 29 | NORHAYATI BINTI AHMAD FUAD | 85113007XXXX | AC-255, SUNGAI NIBONG TENGAH 11950 BAYAN LEPAS PULAU PINANG | 16/08/2013 | 16/08/2013 |
| 30 | ROHAYAH BINTI AHMAD | 496XXXX/56040807XXXX | A-A36, SUNGAI NIBONG TENGAH 11900 BAYAN LEPAS PULAU PINANG | 27/09/2013 | 27/09/2013 |
| 31 | AZIMAH BINTI MD DAN | A125XXXX/69050707XXXX | 1-11-03, DESA PUTRA, PERSIARAN BAYAN INDAH, 11900 BYN LEPAS PULAU PINANG | 18/10/2013 | 18/10/2013 |

| BIL | NAMA | NO KAD PENGENALAN | ALAMAT | TARIKH MENDAFTAR | TARIKH KEMASKINI |
|---|---|---|---|---|---|
| | INDIA | | | | |
| 1 | ZULKIFLI NAGARAJOO BIN ABDULLAH | 423XXXX/51120807XXXX | D4 SUNGAI NIBONG KECIL, 11900 BAYAN LEPAS PULAU PINANG | 01/06/1979 | 04/12/2013 |
| 2 | DEVAVARAM A/L THAWADAS DAVADASON | 412XXXX/51112807XXXX | 5-1-25, TAMAN BENDERA, LINTANG RELAU 1, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG | 12/08/1991 | 10/10/2013 |
| 3 | MUNUSAMY A/L KRISHNAN | A209XXXX/72032102XXXX | B-3-5, LINTANG BATU MAUNG 4, 11960 PULAU PINANG | 01/06/1994 | 13/09/2012 |
| 4 | CLEMENT A/L ANTHONIASAMY | A320XXXX/76030407XXXX | 5 LOT 216, TELUK BAHANG 11050 PULAU PINANG | 17/03/2003 | 19/12/2013 |
| 5 | MOHAMAD HAFIZ BIN ABDULLAH | A060XXXX/66122007XXXX | 2B-22, PANGSAPURI SAUJANA DAMAI TMN TUNAS, JLN SUNGAI TIRAM 3, 11900 BAYAN LEPAS PULAU PINANG | 07/02/2006 | 19/12/2012 |

**SILA DIMAKLUMKAN SEKIRANYA ADA BANTAHAN TERHADAP PEMOHON YANG DITAWARKAN SEPERTI DINYATAKAN, SILA KEMUKAKAN BANTAHAN SEPERTI DALAM FORMAT BERIKUT**

**NOTIS BANTAHAN**

***** Sebarang bantahan boleh dikemukakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh paparan dimuatnaik. Pohon kembalikan Notis Bantahan yang telah dilengkapkan bersama dokumen sokongan bantahan ke Bahagian Perumahan, Tingkat 20 KOMTAR**

**Nama Pembantah** : ____________________

**No.K/P** : ____________________

**Alamat / E-Mel** : ____________________

____________________

**No.Tel** : ____________________

**Nama yang diBantah** : ____________________

**Sebab bantahan** : ____________________

*** Semua maklumat di atas wajib diisi. Bantahan tidak akan dilayan sekiranya maklumat tidak lengkap**

# BAYAR CUKAI TANAH TANGGUNGJAWAB ANDA. ELAKKAN PERAMPASAN TANAH.









**Haris Zuan adalah mantan Pegawai Eksekutif Penang Institute dan kini berkhidmat sebagai Ahli Majlis MPPP**

# Demokrasi Perwakilan, Mat Rempit dan Kerajaan Tempatan

Oleh: **HARIS ZUAN**

Serambi PENANG INSTITUTE making ideas work



HARIS Zuan berjabat tangan dengan Ketua Menteri pada majlis lantikan beliau sebagai Ahli Majlis MPPP baru-baru ini.

**PENGALAMAN** saya berada dalam badan penggubalan undang-undang – meskipun hanya di peringkat kerajaan tempatan – membuatkan saya semakin mengimani doktrin bahawa dalam demokrasi perwakilan *(representative democracy)* semua segmen masyarakat, termasuk golongan minoriti mesti punya perwakilan dan wakil yang dipilih (atau dilantik) yang benar-benar memainkan peranannya untuk memperjuang dan mempertahankan kepentingan golongan yang mereka wakili. Jika tidak, kepentingan mereka ini akan terabai dan akan terdapat banyak dasar yang digubal akan menjejaskan golongan ini.

Malangnya, di Malaysia representasi atau perwakilan ini sering terhad kepada kaum semata-mata. Kita hanya peduli berapa ramai Melayu atau Cina dalam pembuatan dasar dan selalu pula representasi kaum ini dikelirukan pula dengan representasi mengikut parti. Sehingga wujud kesimpulan sesat bahawa hanya UMNO yang mewakili kaum Melayu – meskipun faktanya, selama ini sejak kemenangan besar Pakatan Rakyat pada 2008 bilangan perwakilan Melayu meningkat dalam Parlimen.

Dicelah-celah laungan kaum ini, mula kedengaran pula keperluan untuk memastikan adanya perwakilan mengikut gender – ertinya jumlah perwakilan lelaki dan perempuan dalam Parlimen harus mencerminkan nisbah lelaki dan perempuan di negara ini. Pada tahun 1995, Malaysia telah menandatangi *Convention On The Elimination Of All Forms Of Discrimination Against Women* (CEDAW) dan komited untuk meningkatkan perwakilan wanita dalam proses membuat keputusan sekurang-kurangnya kepada 30%. Namun, nisbah ini hampir mustahil tercapai berdasarkan situasi semasa – sekitar 10 hingga 12% sahaja perwakilan wanita di Parlimen. Kini, banyak NGO yang memperjuangkan hak wanita menuntut agar lebih banyak amalan yang mengehadkan penglibatan wanita dalam politik ditiadakan dan lebih banyak amalan yang mempromosikan penglibatan wanita diwujudkan. Dalam tempoh 20 tahun ini, kita dapat lihat banyak perkembangan baik terhadap isu ini. Meskipun ramai melihat perkembangan ini amat perlahan.

Demokrasi berjalan dengan premis asasnya bahawa sistem ini tidak sempurna dan sentiasa akan berlaku penambahbaikan. Demikan juga dalam persoalan perwakilan ini. Kini kita tidak hanya melihat perwakilan daripada segi kaum dan gender, malahn juga generasi. Jumlah penduduk Malaysia pada 2010 ialah seramai 27,484,596 orang dengan 12,526,567 orang berumur antara 15 hingga 40 tahun. Manakala di Pulau Pinang pula, daripada 1,526,324 orang penduduk, 690,283 orang adalah mereka yang berumur antara 15 hingga 40 tahun. Meskipun kita boleh mengatakan bahawa takrif umur anak muda di negara jauh konservatif berbanding negara lain di dunia (PBB, 15 hingga 24 tahun), namun berdasarkan takrif rasmi Malaysia, hampir separuh penduduk Malaysia ini terdiri daripada orang muda. Namun, sebagaimana kita tahu, amat kurang para pembuat keputusan kita terdiri daripada mereka yang berumur kurang 40 tahun, walaupun angka ini kian meningkat.

Jika had umur anak muda ini diturunkan kepada 35 atau 30 tahun (masih jauh konservatif dari takrifan umur antarabangsa), jumlah pembuat keputusan baik di Parlimen, negeri, mahupun kerajaan tempatan amatlah mendukacitakan. Sungguhpun kita boleh berdebat bahawa dalam demokrasi tidak semestinya hanya wanita dapat membawa agenda wanita, anak muda membawa agenda anak muda, dan perwakilan Cina membawa kepentingan Cina serta wakil rakyat Melayu sahaja mampu mewakili orang Melayu. Namun, mahu atau tidak, harus kita insafi bahawa dalam sistem demokrasi ala Malaysia ini yang amat rendah tahap deliberatifnya, kemerosotan perwakilan ini sangat menjejaskan semangat demokrasi.

Izinkan saya berkongsi akan satu pengalaman saya dalam satu mesyuarat yang saya hadiri, terdapat cadangan mewujudkan halangan jalan raya yang lebih bahaya untuk motosikal agar penunggang motosikal akan lebih berhati-hati dan jika mereka kemalangan akibat halangan tersebut, maka moga-moga kejadian itu akan menginsafkan mereka.

Saya pastinya agak cemas apabila mendengar cadangan ini dibentangkan dalam mesyuarat kerajaan tempatan untuk dipertimbangkan atas dua alasan. Pertamanya, pendekatan ini tidak menangani punca sebenar masalah dan seolah-olah menzalimi semua penunggang motosikal dengan menghalang mereka menunggang dalam persekitaran yang selesa. Keduanya, saya juga seorang penunggang motosikal!

Sudahlah kami sentiasa terdedah dengan bahaya berdepan dengan kenderaan empat roda yang tidak kurang laju dan bengisnya di jalan raya, malah kami dihukum lagi dengan 'jerangkap' jalan raya akibat tidak mampu untuk membeli sebuah kereta.

Malah, saya juga khuatir perasaan simpati terhadap penunggang motosikal seperti kami semakin menipis dalam kalangan pemandu kereta (dan pemilik kereta yang mempunyai pemandu peribadi) dengan membuat reduksi semua penunggang motosikal itu adalah mat rempit.

Turut serta, Penasihat Khas kepada Ketua Menteri yang juga Pengarah *investPenang* (iP), Datuk Lee Kah Choon dan Pengurus Urusan iP, Loo Lee Lian.

Sebelum itu, delegasi Kerajaan Negeri ke Jerman adalah bagi menghadiri Majlis Perasmian Astaka Malaysia *(Malaysia Pavillion)* dan Tahun Melawat Malaysia 2014 oleh Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz pada persidangan *International Tourismus Borse* (ITB) atau *International Tourism Exchange* di sini.



**KETUA Menteri diberi taklimat berhubung operasi syarikat B. Braun pada lawatan rasmi di sini baru-baru ini.**

### BAHAGIAN PERUMAHAN, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG.

### SENARAI UNIT BUMIPUTERA UNTUK DIJUAL

| BIL | NAMA PEMAJU | LOKASI | NAMA PROJEK | JENIS PEMAJUAN | HARGA SEUNIT | HARGA SELEPAS POTONGAN 5% | BAKI UNIT KUOTA BUMIPUTERA | PEGAWAI PERHUBUNGAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | **Sunrise Manner Sdn. Bhd.**<br>Lot 1146, Jalan Seladang, Alma<br>14000 Bukit Mertajam<br>No. Tel : 04 5388388<br>No. Fax : 04 5513888 | Di Atas Lot 1138 dan 1146,<br>Mukim 15, Seberang Perai Tengah<br>Pulau Pinang | HillPark Residensi | Teres 2 Tingkat | RM528,000.00 | RM501,600.00 | 9 | Lionel Lee Kian Aik |
| 2. | **E.W & Associates Sdn. Bhd.**<br>G-01, Lorong Delima 1<br>Taman Seri Delima, Juru<br>14000 Bukit Mertajam<br>No. Tel : 04 5073455 | Di Atas Lot 604, 605 dan 606,<br>Mukim 13, Seberang Perai Tengah<br>Pulau Pinang. | Taman Seri Delima (Fasa 4) | Kedai Pejabat 3 Tingkat | RM816,000.00 – RM1,268,000.00 | RM775,200.00 – RM1,204,600.00 | 5 | Siti Murni Binti Ishak |
| 3. | **Northern Skyline Sdn. Bhd.**<br>Suite 12.1, 12th Floor,<br>Menara Penang Garden<br>42 Jalan Sultan Ahmad Shah<br>10050 Pulau Pinang<br>No. Tel : 04 2266734 / 2266848<br>No. Fax : 04 2280298 | Di Atas Lot 265 Seksyen 9W,<br>Bandar Georgetown<br>Lintang Sungai Pinang<br>Daerah Timur Laut,<br>Pulau Pinang. | Skyline City | Kedai Pejabat 3 Tingkat<br><br>Rumah Berkembar 3 Tingkat | RM1,750,000.00<br><br>RM1,742,000.00 – RM1,799,000.00 | RM1,662,500.00<br><br>RM1,654,900.00 – RM1,709,050.00 | 4<br><br>3 | Teoh Kean Liang |
| 4. | **GSV Development Sdn. Bhd.**<br>70 - 1 - 4 D'Piazza Mall, Jalan Mahsuri<br>Bayan Baru<br>11900 Pulau Pinang<br>No. Tel : 04 6401333<br>No. Fax : 04 6401330 | Di Atas Geran 120871,<br>Lot 1082, Mukim 10<br>Jalan Paya Terubung<br>Daerah Barat Daya<br>Pulau Pinang | The Golden Triangle | Kedai<br><br>Pangsapuri Kos Sederhana | RM298,400.00 – RM829,760.00<br><br>RM277,200.00 – RM725,760.00 | RM283,480.00 – RM788,272.00<br><br>RM263,340.00 – RM689,472.00 | 21<br><br>64 | - |
| 5. | **Wahgiap Development Sdn. Bhd.**<br>No. 301 - B, Jalan Perak<br>2nd Floor, Wisma Wahgiap<br>10150 Pulau Pinang<br>No. Tel : 04 2805808 / 2814862<br>No. Fax : 04 2811412 | Di Atas Lot 1800<br>(Lot Baru 2331 - 2340)<br>Mukim 9, Jalan Teluk Kumbar<br>Daerah Barat Daya<br>Pulau Pinang | Sri Matahari | Rumah Berkembar 2 Tingkat | RM800,000.00 – RM950,000.00 | RM760,000.00 – RM902,500.00 | 3 | Ooi En Bee |
| 6. | **Seni Wangsa Sdn. Bhd.**<br>4272 (1st Floor)<br>Jalan Kampung Benggali<br>12200 Butterworth<br>No. Tel : 04 5384898<br>No. Fax : 04 5385848 | Di Atas Lot 419, Seksyen 2,<br>Jalan Berapit, Bukit Mertajam,<br>Seberang Perai Tengah,<br>Pulau Pinang | Taman Serumpun | Kedai 2 Tingkat<br>Kedai 3 Tingkat<br>Kedai 2 Tingkat | RM528,000.00<br>RM728,000.00<br>RM388,000.00 | RM501,600.00<br>RM691,600.00<br>RM368,600.00 | 2<br>1<br>2 | Ng Thar Haw |
| 7. | **Ganjaran Wawasan Sdn. Bhd.**<br>Plot 159, Jalan Perindustrian<br>Bukit Minyak 7, Bukit Minyak Industrian Park<br>14000 Bukit Mertajam<br>No. Tel : 04 5075808<br>No. Fax : 04 5022817 | Di Atas Lot 800, Seksyen 3,<br>Jalan Barnett, Jalan Vermont<br>Dan Jalan Adams,<br>Daerah Timur Laut,<br>Pulau Pinang | Vermont Villa | Rumah Sesebuah 3 Tingkat Jenis A<br><br>Rumah Sesebuah 3 Tingkat Jenis D | RM6,000,000.00<br><br>RM3,988,000.00 – RM4,200,000.00 | RM5,700,000.00<br><br>RM3,788,600.00 – RM3,990,000.00 | 1<br><br>3 | Ms Lim Sook Yen |

# Penyertaan Anugerah Sekolah Hijau 2014 dibuka

**GEORGE TOWN** - Selain pelajar, pengusaha-pengusaha kantin juga boleh sama-sama menyumbang dalam usaha memelihara alam sekitar dengan memproses sisa-sisa bahan makanan untuk dijadikan baja.

Seruan tersebut dinyatakan Setiausaha Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Ir. Ang Aing Thye ketika melancarkan Anugerah Sekolah Hijau 2014 peringkat bahagian pulau di sini baru-baru ini.



DUA pelajar Sekolah Kebangsaan Bayan Baru menunjukkan risalah Rakan Alam Sekitar pada Majlis Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau 2014 peringkat bahagian pulau di sini baru-baru ini.

Katanya, program tersebut adalah satu pendekatan holistik bagi memupuk kesedaran dalam kalangan pelajar sekolah mengenai pentingnya menghargai alam sekitar.

“Malah, selain pelajar, pengusaha-pengusaha kantin boleh sama-sama menyumbang ke arah tersebut bagi membantu Majlis menjimatkan kos pengurusan sisa pepejal,” ujar beliau.

Hadir sama, wakil Pengarah Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang, Sufian Jul Mohamad, Penolong Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Pulau Pinang, Roslin Md. Lazim dan Ahli-ahli Majlis MPPP.



IR. Ang Aing Thye (kanan sekali) meneliti buku skrap dihasilkan para pelajar berhubung pelaksanaan inisiatif hijau di sini.

Program tersebut bakal dinilai berasaskan kriteria utama seperti kitar semula, inovasi serta kreativiti, kebersihan, penghijauan dan penglibatan komuniti.

Tarikh tutup penyertaan ialah pada 30 April 2014 dan sebarang pertanyaan serta khidmat nasihat boleh emailkan kepada *roslinawati@mppp.gov.my* atau *sabariah@mppp.gov.my*.

Bagi maklumat lanjut, hubungi talian 04 – 259 2124 atau 04 – 263 7000.

## Senarai pemenang Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna Buletin Mutiara (15 November 2013 - 14 Februari 2014). Tahniah!

| |
|---|
| LIM HUI XIN |
| AL NAZFEERA WARDINA BINTI AL RAFAEE |
| RACHEL JANSI A/P SUBRAMANIAM |
| AINA DAYANA BINTI AHMAD SABRI |
| MOHAMAD MUQRI RAMZI BIN MOHAMAD RADZI |
| LIM WENG KAI ZHENG |
| TAN WAN LING |
| KHOR YONG EN |
| KOR JIA XUAN |
| LOW CHIA XIN |
| LIM KER XIN |
| KHOR HUI QIAN |
| ONG CHUN WEY |
| THURESHNIA A/P SELVAM |
| TAN YEN XIN |
| ANG KOK MIAO |
| KAY JING YI |
| MUHAMAD DANISH SYAFITRIE BIN SUHAIMI |
| MUHD SYABIL NADHIR BIN SAIDIN |
| NUR SYUHADA BINTI MOHD ZAINI |
| OOI LI WEN |
| OOI LI XIN |
| CHONG XIN YUN |

# Tukar barang sempena sambutan Hari Bumi




CHOW Kon Yeow (dua dari kiri) bersama-sama barisan penganjur bergambar kenangan pada sidang media pengumuman Karnival Tukar Dagang di sini baru-baru ini.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** – Karnival Tukar Dagang atau lebih dikenali sebagai sistem barter bakal diadakan di *Occupy Beach Street* (OBS), Lebuh Pantai pada 20 April ini (Ahad) di sini bermula jam 8 pagi hingga 12 tengahari.

Bertemakan ‘Sampah Anda, Harta Saya’, *Penang Green Council* (PGC) selaku pihak penganjur bersama OBS mensasarkan sebanyak 50 penyertaan keseluruhan dengan ruang dagangan masing-masing seluas 8 kaki x 10 kaki.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, penganjuran tersebut adalah bersempena sambutan Hari Bumi dan bagi menggalakkan amalan 3R (Kurangkan, Guna semula dan Kitar Semula) dalam kalangan masyarakat.

“Ini adalah untuk mewujudkan kesedaran awam tentang amalan sisa sifar serta mendidik generasi muda untuk menghargai nilai barangan terpakai.

“Aktiviti ini menyediakan platform yang baik kepada para peserta untuk menukar dagang barangan terpakai seperti peralatan rumah, alat permainan dan lain-lain.

“Selagi barangan tersebut masih dalam keadaan baik, ia boleh ditukar dagang. Ini merupakan aktiviti yang tidak melibatkan urus niaga tunai,” ujarnya pada sidang media pengumuman Karnival Tukar Dagang di sini baru-baru ini.

Selain acara tukar dagang, turut diadakan adalah demonstrasi kecergasan dan mempertahankan diri serta persembahan *‘live band’*.

Orang ramai boleh membawa barangan terpakai seperti baju, surat khabar lama dan barang-barang untuk dikitar semula ada hari penganjuran berkenaan.

Pendaftaran boleh dibuat secara talian menerusi ***www.pgc.com.my*** sebelum 15 April 2014 dengan yuran pendaftaran sebanyak RM20 atau hubungi ***04 – 250 3321*** untuk maklumat lanjut.

# Wanita wajar dilindungi, disayangi serta dihormati – Rashid

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN–** Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng menyarankan golongan wanita supaya sentiasa membuka minda dan merebut peluang menggembleng tenaga bersama kaum lelaki.

"Ia menepati agenda pembangunan negara dan seiring dengan tema sambutan Hari Wanita Antarabangsa iaitu 'Kesaksamaan Wanita adalah Kemajuan untuk Semua' yang dipilih oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk tahun ini," ucapnya pada Sambutan Hari Wanita Sedunia 2014 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan majlis perasmian sambutan tersebut adalah Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon.

Turut serta, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Datuk Ar. Patahiyah Ismail, Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey, ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Datuk Abu Jamal Nordin dan barisan Pegawai Penyelaras Kawasan ADUN.

Menurut Chong Eng, aspek kesamarataan yang diberikan mampu merubah peranan wanita sama ada dalam aspek pentadbiran mahupun sosial.

"Sungguhpun begitu, tiada masyarakat yang boleh bercakap dengan megah tentang kemajuan sekiranya wanitanya terus didiskriminasikan dalam pelbagai bentuk.

"Salah satunya ialah keganasan terhadap wanita, sama ada melalui perogolan, penderaan mahupun menidakkan hak wanita dalam pekerjaan dan sebagainya," katanya.

Jelas beliau, isu keganasan terhadap wanita bukan sahaja melanggar hak asasi wanita tetapi juga menjadi krisis awam.

Oleh itu, Chong Eng memberitahu bahawa dalam memberi kesedaran kepada umum, tema sambutan bagi negeri Pulau Pinang tahun ini adalah 'Hentikan Keganasan Terhadap Wanita'.

"Kita berdiri dalam solidariti dengan wanita dan lelaki bertekad untuk menamatkan keganasan terhadap wanita.

"Kita tekad untuk meneruskan usaha ini sehingga kita mampu berbangga menyatakan bahawa kita adalah negara maju yang memperjuangkan hak-hak wanita," ujarnya di hadapan kira-kira 1,000 pengunjung yang hadir memeriahkan Sambutan Hari Wanita di sini.

Dalam pada itu, Mohd. Rashid Hasnon dalam ucapan perasmiannya menyeru semua pihak berusaha mewujudkan persekitaran yang selamat serta bebas dari sebarang bentuk penderaan, penganiayaan dan keganasan bagi wanita.

"Wanita wajar dilindungi, disayangi serta dihormati dan bukannya diperlakukan dengan ganas, disakiti dan dihina.

"Kerajaan Negeri amat mengambil berat terhadap apa yang berlaku kepada golongan wanita dan pelbagai langkah telah dilaksanakan dalam usaha memperdayakan wanita serta menggalakkan persekitaran yang progresif dan mampu merealisasikan potensi tanpa sebarang halangan," ujar beliau.

Sambutan Hari Wanita Sedunia 2014 Peringkat Negeri Pulau Pinang dianjurkan bersama MPPP, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), *JCI Pearl*, Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) dan NGO, *Penang Amateur Athletic Association* (PAAA).

Selain mengadakan bengkel dan persembahan interaktif, turut mencuri tumpuan adalah acara Larian Wanita JCI Pearl yang disertai kira-kira 300 peserta serta persembahan seni mempertahankan diri.




**MOHD. Rashid Hasnon bergambar kenangan bersama-sama golongan wanita yang menerima kuntuman bunga daripadanya sempena sambutan Hari Wanita di sini.**



**BRIGED Wanita KADUN Pulau Betong yang turut mengambil bahagian.**

## Bunga sebagai tanda penghargaan

**PENGHARGAAN....** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng meluangkan masa hampir satu jam mengedarkan lebih 200 kuntum bunga teluki *(carnation)* kepada golongan wanita di sekitar Pasar Taman Reservoir, Air Itam di sini baru-baru ini.

Bersempena sambutan Hari Wanita Sedunia yang disambut pada 8 Mac setiap tahun, kesempatan tersebut adalah sebagai tanda penghargaan kepada golongan wanita di negeri ini atas jasa dan pengorbanan selama ini.

"Pemberian bunga ini adalah simbolik menghargai dan memartabatkan kaum wanita," ujar beliau di sini baru-baru ini.



**KETUA Menteri menyampaikan sekuntum bunga sebagai tanda penghargaan kepada salah seoranag peniaga di Pasar Taman Reservoir, Air Itam di sini baru-baru ini.**

## Kasthuriraani turun padang hargai golongan wanita



**P. Kasthuriraani (depan, dua dari kanan) menyampaikan sekuntum bunga daisi kepada salah seorang pengunjung tapak pasar malam Batu Kawan sempena sambutan Hari Wanita Sedunia di sini baru-baru ini.**

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BATU KAWAN –** Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani mengedarkan kira-kira 500 kuntum bunga daisi kepada golongan Hawa sempena sambutan Hari Wanita Sedunia di tapak pasar malam Batu Kawan di sini baru-baru ini.

Turut turun padang adalah pasukan Briged Wanita kawasan Batu Kawan.

Menurut Kasthuriraani, inisiatif pengedaran bunga adalah sebagai tanda pengiktirafan kepada kaum wanita di sini yang selama ini gigih menjaga keluarga dan pengorbanan dalam membangunkan negara khususnya negeri ini.

"Walaupun program ini tidaklah seberapa, ianya diharap dapat membuatkan golongan wanita di sini rasa dihargai," katanya pada Program Pengedaran Bunga Sempena Sambutan Hari Wanita Sedunia di sini baru-baru ini.

Kasthuriraani dalam pada itu turut menyarankan agar golongan wanita berusia 18 tahun ke atas untuk sama-sama aktif dalam pembabitan pasukan Briged Wanita bagi merebut peluang dan manfaat disediakan Kerajaan Negeri kini.

# Dalami bidang ternakan melalui pengalaman sendiri


MENGURUSKAN kandang ternakan.

Oleh: **YAP LEE YING**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SETELAH** lebih 10 tahun berkecimpung dalam bidang perniagaan, anak muda berusia 30 tahun kini beralih kepada bidang ternakan.

Mungkin ramai yang menganggap bidang tersebut kotor dan tidak menguntungkan, namun, bagi Ahmad Sofian Mohamed atau lebih dikenali dengan nama panggilan ‘Pian’, beliau melihat potensinya adalah bagaikan lubuk emas.

Bermula dengan tanpa sebarang pengalaman, Pian mula berjinak dalam bidang tersebut dengan menternak tiga ekor lembu.

“Masa tu, lembu mati sebab saya ambik anak (lembu) kecil sangat, iaitu baru lahir antara dua hingga tiga bulan sebelum, lepas susu awal sangat.

“Modal masa tuh kira-kira RM300 hingga RM400 hilang begitu saje.

“Bagaimanapun, saya tak putus asa, sebaliknya pengalaman itu membuatkan saya lebih tahu cara nak jaga anak atau lembu baru (muda),” katanya kepada Buletin Mutiara pada sesi wawancara baru-baru ini.

Sesi wawancara yang diatur tanpa sebarang temujanji tersebut diadakan di perkarangan kandang lembu Pian yang terletak di Jalan Kolam, Cherok To’ Kun, Machang Bubuk, Seberang Perai Tengah (SPT).

Menurut Pian, hampir lima tahun bergiat dalam bidang berkenaan, beliau kini memelihara 40 ekor lembu. Sebahagian besarnya adalah ingin dipasarkan menjelang sambutan Hari Raya kelak.

Selain baka kacukan dari Thailand, turut dipelihara adalah baka lembu tempatan yang mana lebih senang dijual dan dagingnya adalah lebih sedap.

Mengulas lanjut, Pian menyatakan bahawa cabaran dalam bidang ternakan adalah jangkitan penyakit dan kebersihan kandang haiwan ternakan yang perlu dijaga rapi.

Malah, pemakanan juga adalah amat penting bagi mempengaruhi kualiti daging.

“Lembu-lembu ternakan perlu disuntik vitamin dan ubat cacing pada setiap enam bulan.

“Malah, kandang juga perlu dibersihkan setiap hari,'' jelasnya.

Setiap hari, Pian akan ‘bersama’ lembu ternakannya seawal 7.30 pagi. Tempoh masa kira-kira empat jam diluangkan di kandang ternakan sebelum beliau ke kedai basikal miliknya yang terletak di lokasi berhampiran.

Didorong minat beliau dalam bidang perniagaan, Pian mula menceburi bidang tersebut sejurus selepas tamat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

“Selepas habis tingkatan lima, saya berniaga jual air bersama pakcik.

“Selepas itu, ketika berusia 25 tahun, berbekalkan modal sendiri, saya buka stor membaiki basikal dan lama-kelamaan dibesarkan kepada perniagaan menjual basikal.


AHMAD Sofian Mohamed atau Pian.

“Setelah berkecimpung dalam bidang tersebut lebih 10 tahun, saya berasa *‘boring’* dan kini beralih ke bidang ternakan yang mana memberi lebih kepuasan kepada diri saya,” ujar Pian yang berasal dari Parit Buntar, Perak.

Dikurniakan dua cahaya mata, Pian kini merancang untuk menambah bilangan serta mempelbagaikan jenis ternakannya.

“Saya kini cuba menternak kambing yang mana saya dapati ia (kambing) adalah binatang yang cerewet sikit.

“Kemungkinan saya juga ingin cuba ternak kerbau sekiranya terdapat lokasi sesuai,'' nyata beliau yang merupakan anak keempat daripada tujuh beradik.

Ketika ditanya mengapa beliau hanya memilih untuk menternak haiwan-haiwan ‘besar’, Pian menjelaskan bahawa beliau lebih sesuai dengan spesies berkenaan.

“Sebelum lembu, saya pernah bela ayam kampung, arnab dan burung merpati, tapi semuanya mati.

“Kemungkinan haiwan-haiwan kecil ni tidak sesuai dengan saya,'' jawab beliau sambil tersenyum sinis.

**INFO :**
**Tempahan : 012 – 483 5237**



LEMBU-lembu tempatan yang diternak.

# Berkawan bina Satay Ibrahim – Mat Jamil



KIOSK Satay Ibrahim untuk rakan niaga yang berminat dengan modal awalan serendah RM1,500.

**CERDIK** tak membuang kawan, gemuk tak membuang lemak.

Itu pedoman yang dikongsi oleh personaliti akhbar Buletin Mutiara (BM) kali ini, Mat Jamil Saad, 47, semasa diwawancara mengenai kejayaan menubuhkan Kilang Satay Ibrahim dekat Teluk Kumbar baru-baru ini.

Menurut Mat Jamil, kilang memproses sate itu adalah simbol persahabatan beliau dengan empat rakan kongsi lain.

"Mereka adalah dua anak "Pak Ibrahim", seorang cucu kepada pengasas resepi enak itu, dan seorang lagi adalah kenalan berniaga di pasar malam.

"Susah berkawan dalam berniaga ini sebenarnya lebih senang kerana masing-masing saling nak berkawan dan nak berniaga," ujar Mat Jamil kepada wartawan akhbar BM, **ZAINULFAQAR YAACOB** baru-baru ini.

**Dorongan**

Menurut Mat Jamil, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Pulau Pinang (DPMMPP) pada dua tahun lepas ada menyatakan hasrat mewujudkan perniagaan contoh untuk dijadikan aras tanda kepada kaum peniaga kecil di negeri ini.

Mat Jamil dan lapan rakan lain melalui Persatuan Peniaga-Peniaga Pasar Malam Pulau Pinang (PPPMPP) pada dua tahun lepas dipelawa untuk mengikuti kursus intensif perniagaan komersial selama tiga hari dua malam di Serdang, Selangor di bawah kendalian Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

"Selepas balik dari kursus itu, akhirnya, kami (PPPMPP) setuju buat perniagaan sate pada awal tahun lepas kerana itu makanan popular orang Melayu, Cina dan India, semua makan satay.

"Saya pelawa dua anak arwah Pak Ibrahim dan cucunya serta seorang lagi kawan saya untuk bersama-sama menubuhkan Kilang Satay Ibrahim ini atas semangat berniaga dan berkawan," ujar beliau.

Mat Jamil berkata, lima mereka masing-masing bersetuju mengeluarkan modal pemulaan sebanyak RM5,000 semasa menubuhkan Kilang Satay Ibrahim.

"Lebih kurang 10,000 sate dihasilkan ikut permintaan tiap-tiap hari, kadang-kadang permintaan harian mencecah lebih 15,000 batang cucuk.

"Dengan modal permulaan itu serta bantuan banyak pihak, kilang Satay Ibrahim kini lengkap dengan mesin *sofistikated* untuk menghasilkan sate secara komersial, selain, disokong oleh 10 pekerja dari kalangan orang tempatan di sini," jelas Mat Jamil.

Pun begitu, katanya, masih banyak lagi perlu dilakukan untuk mengkomersialkan produk tersebut di luar negeri ini, walaupun Satay Ibrahim ini sudah mempunyai peminat tersendiri sejak lebih 30 tahun dulu di negeri ini.

Bagi Mat Jamil sendiri, menguruskan Kilang Satay Ibrahim bagaikan kerjaya sepenuh masanya, walaupun beliau sebenarnya berniaga bihun sup di Pasar Malam Pondok Upeh dekat Balik Pulau dan Pasar Malam Permatang Damar Laut dekat Batu Maung.

**Peniaga Melayu terpinggir**

Mat Jamil secara tegas menolak dakwaan sesetengah kononnya peniaga Melayu 'susah nak cari makan' di Pulau Pinang, ekoran penguatkuasaan undang-undang berwajib oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

"Kalau benar terpinggir, saya sendiri tak boleh membuka Kilang Satay Ibrahim kerana saya pun Melayu," seloroh beliau.

Mat Jamil yang juga Timbalan Pengerusi PPPMPP berkata, kedudukan penjaja pada era 'Kerajaan Hari Ini' sebenarnya jauh lebih baik berbanding sebelumnya.

"Cina atau India pun banyak seperti Melayu, berdepan tindakan penguatkuasaan kerana berniaga di tempat yang salah... ini isu penguatkuasaan, bukan peminggiran mana-mana kaum.

"Kalau dulu (sebelum Mac 2008), penjaja tidak mempunyai hak untuk menguruskan sendiri pasar malam kerana atas alasan di kawasan perumahan dan atas jalan...amalan biasa memberi hak (mengurus pasar malam kepada) JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti), persatuan penduduk dan KRT (Kelab Rukun Tetangga).

"Tetapi, kita (PPPMPP) diberikan lesen penganjuran (pasar malam) di Tapak Pesta (dekat Bayan Baru) dan Jalan Tull (dekat Hospital Pulau Pinang) pada era Kerajaan Negeri hari ini," jelas Mat Jamil.

**Aras Tanda**

Mat Jamil berpendapat Kerajaan Negeri melalui agensi berwajib dengan kerjasama PPPMPP sepatutnya menggariskan aras tanda *(benchmark)*.

"Pulau Pinang ini adalah negeri pelancongan, ertinya, imej penjajaan pun penting untuk dilihat.

"Contoh seperti di Padang Kota, penjajaan di kawasan larangan sejak era dahulu Kerajaan Negeri (sebelum tahun 2008) lagi. Dulu pun MPPP buat penguatkuasaan, sekarang pun sama.

"Garis panduan aktiviti penjajaan memang ada, cuma tinggal macam mana nak diamalkan oleh peniaga.

"Ada pendapat mengatakan kawasaan penjajaan tak cukup, itu pun penting untuk dilihat. Tetapi, yang lebih penting, bagaimana nak meningkatkan mutu pelanggan di kawasan penjajaan yang sedia ada.

"Sebagai contoh, wujudkan *benchmark* dari segi kebersihan dan mutu pelanggan yang berkualiti, hanya penjaja yang memenuhi spesifikasi *benchmark* ini layak untuk berniaga, tak kiralah di kawasan jaja berbumbung atau seperti di pasar malam.

"Ini secara langsung akan memberi peluang kepada penjaja-penjaja yang benar-benar komited untuk berniaga ikut *benchmark* negeri untuk memajukan perniagaan sendiri dan negeri," ujar beliau.

**Harapan**

Mat Jamil memberitahu bahawa kilangnya sudah menyediakan kiosk lengkap dengan peralatan membakar sate kepada mereka yang berminat untuk menjadi rakan niaga.

"Bayar RM1,500 sahaja boeh dapat semua ini. Harga borong secucuk sate ayam 35 sen dan boleh dijual dengan harga 50 sen. (Harga borong secucuk) sate daging 45 sen dan boleh dijual 50 sen. (Harga borong secucuk) sate perut 60 sen dan boleh dijual dengan harga RM1.

"Dari awal kilang ini dibuka lagi, kita tak buat pinjaman bank kerana kita nak memajukan secara berperingkat.

"Kalau di Selangor terkenal dengan Satay Samuri Kajang, di Pulau Pinang biarlah Satay Ibrahim menjadi satu lagi identiti makanan enak negeri di negara ini...kalau boleh di luar negara," nyatanya.

Tambah Mat Jamil, beliau sendiri baru berbincang dengan Penasihat Koperasi Pasar Aneka Taman Selat, Zolkifly Md. Lazim mengenai pengalaman koperasi itu mewujudkan pinjaman mikrokredit tanpa riba, sebagaimana dilaporkan oleh Buletin Mutiara sebelum ini, untuk dilaksanakan dalam PPPMPP.

Justeru, beliau berharap Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Perdagangan Dalam Negeri berwajib mungkin boleh kolaborasi dengan Kilang Satay Ibrahim demi mengangkat jenama Pulau Pinang ke luar negeri.

Mat Jamil boleh dihubungi menerusi nombor telefon 019 – 547 5227 atau *matjamilsaad@gmail.com*.

Kilang Satay Ibrahim di alamat No.28, Tingkat Bawah, Bandar Baru Perda, Teluk Kumbar, 11,920 Bayan Lepas, Pulau Pinang.


MAT Jamil Saad (empat dari kanan) dan Zolkifly Md. Lazim (berdiri, kanan sekali) melihat operasi mencucuk daging sate oleh pekerja tempatan di Kilang Satay Ibrahim.


BERBINCANG mengenai kemampuan produktivti mesin mencucuk sate secara semi-automatik.

# Mohon penarafan bandaraya MPPP disegerakan



CHOW Kon Yeow.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** – Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow semasa Mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan ke-67 (MNKT ke-67) baru-baru ini memohon Kerajaan Persekutuan agar menyegerakan proses penarafan status bandaraya kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

Kon Yeow berkata, bahagian pulau Pulau Pinang memenuhi kesemua syarat diwajibkan bagi membolehkan ia digelar sebagai bandaraya.

"Kita (bahagian pulau Pulau Pinang) memenuhi kesemua syarat dan kriteria sebagai sebuah bandaraya seperti populasi, pungutan hasil, kemudahan awam, institusi, budaya, sosial dan lain-lain.

"Diharap perkara ini dapat diselesaikan dalam tempoh terdekat kerana ia telah mengambil tempoh yang lama sejak dipohon pada tahun 2010," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, mesyuarat MNKT yang berlangsung di Kuala Lumpur baru-baru ini dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah memohon agar perkara tersebut disegerakan permohonannya dan dibawa ke kabinet untuk diluluskan.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa Kerajaan Negeri amat mengalu-alukan kenyataan dan perhatian Muhyiddin untuk menyegerakan permohonan berkenaan sebelum dibawa kepada Yang Di-Pertuan Agong.

"Harapan agar status bandaraya ini dapat disambut pada tanggal 1 Januari 2015 seiring dengan sambutan Hari Bandaraya George Town sejak tahun 1956.

"Malah, diharapkan penarafan ini kelak akan membantu mengatasi masalah kesesakan lalulintas dan harapan agar Kerajaan Persekutuan akan menambahkan peruntukan untuk pembangunan serta kemajuan Pulau Pinang," ujar Kon Yeow.

## Struktur sementara di tapak asal - Rozali



SR. Rozali Mohamud.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA** – Setiausaha Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Sr. Rozali Mohamud menjernihkan isu 'Menyelesaikan Masalah Penjaja Di Tempat Terbuka, Pasar Sementara Dibina Di Jalan Pegawai', sebagaimana dilaporkan akhbar Bahasa Cina, *Guang Ming Daily* baru-baru ini.

Menurut beliau, pembinaan pasar awam sementara di Jalan Pegawai masih di peringkat kajian, serta bukan perancangan terdekat MPSP untuk memindahkan penggerai-penggerai asal Pasar Awam Bukit Mertajam ke sana.

"Perancangan terdekat yang diputuskan adalah untuk membina sebuah struktur sementara di atas tapak asal bagi menempatkan penggerai-penggerai Pasar Awam Bukit Mertajam (di situ)," jelasnya mewakili Yang di-Pertua MPSP MPSP, Maimunah Mohd. Sharif kepada wartawan di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini.

Hadir sama, Ahli Majlis MPSP, Tan Cheong Eng.

Rozali memberitahu, pihaknya tidak boleh membuat kerja-kerja pembersihan serta pemajuan struktur sementara di tapak asal Pasar Awam Bukit Mertajam itu sehinggalah mendapat laporan forensik dan surat penyerahan semula bangunan daripada pasukan Bomba dan Penyelamat.

Terdahulu, laporan *Guang Ming Daily* seakan menggambarkan kesemua penggerai Pasar Awam Bukit Mertajam akan dipindahkan ke struktur sementara dekat Jalan Pegawai, yang tidak jauh dari tapak asal pasar tersebut.

Rozali cuba menjernihkan tanggapan itu pada sidang media di sini baru-baru ini.

Pasar Awam Bukit Mertajam pada awal pagi 4 Februari lepas terlibat dalam satu 'kebakaran besar' dan Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng semasa melawat lokasi kejadian mengumumkan kelulusan segera RM20 juta untuk pemajuan semula pusat komersial berusia lebih 55 tahun tersebut.

## MPPP & PDRM banteras ulat parkir haram



**PEMERIKSAAN dijalankan pihak berkuasa dalam operasi membanteras ulat parkir haram di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN** – Kehadiran ulat parkir haram yang mengambil kesempatan memungut wang daripada orang ramai semakin berleluasa walaupun Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah memperkenalkan sistem kupon meletak kenderaan baru-baru ini di sini.

Ekoran itu, satu operasi besar-besaran melibatkan Pihak Penguatkuasa MPPP dengan kerjasama pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah diadakan baru-baru ini membabitkan tiga pasukan meliputi 13 kawasan operasi keseluruhannya.

Ahli Majlis merangkap Pengerusi Gantian Tetap Penguatkuasaan dan Pendidikan Awam MPPP, Dr. Tan Kim Hooi berkata, inisiatif tersebut adalah operasi pertama melibatkan pihak penguatkuasa Majlis dan PDRM.

"Kami dapati bahawa bilangan ulat parkir haram ini telah meningkat sejurus MPPP memperkenalkan sistem kupon parkir baru," ujarnya selepas operasi membanteras ulat parkir haram di sekitar bandar George Town baru-baru ini di sini.

Operasi selama lima jam tersebut berjaya memberkas dua atendan parkir haram yang masing-masing ditahan di Lebuh Duke dan Lebuh Pantai di sini.

Dalam pada itu, Ahli Majlis MPPP, Joseph Ng Soon Siang menasihatkan orang ramai agar lebih berwaspada dan tidak sewenangnya membeli kupon parkir daripada ulat parkir haram berkenaan.

"Mereka (atendan parkir haram) akan menawarkan kupon dengan harga lebih mahal yang mana kita (MPPP) tidak sama sekali menyokong serta bertolak ansur atas perbuatan tersebut.

"Orang ramai dinasihatkan agar tidak sewenangnya membeli kupon dengan individu-individu ini," tegas beliau.

# Taman Perbandaran sebagai taman pembelajaran

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Yang pertama dalam negara! Bagi membolehkan para pengunjung 'berinteraksi' dengan alam semulajadi di Taman Perbandaran di sini, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) mengambil pendekatan memasang aplikasi Kod Tindakbalas Cepat atau *'Quick Response Code'* (Kod QR) baru-baru ini.

Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Datuk Ar. Patahiyah Ismail berkata, melalui pengimplementasian tersebut, para pengunjung hanya perlu mengimbas 24 papan tanda imbas Kod QR yang diletakkan di sekitar taman bagi mengetahui maklumat-maklumat flora dan sejarah lokasi berkenaan termasuk taman-taman mini di sini.

"Melalui aplikasi dengan kos keseluruhan RM15,000 ini, pengunjung akan dibawa melalui *'virtual tour'* menggunakan *Global Positioning System* (GPS).

"Malah, secara tidak langsung, Taman Perbandaran akan menjadi sebuah taman pembelajaran *(educational park)* yang membolehkan pengunjung berinteraksi dengan alam semulajadi di sini," katanya pada Majlis Pelancaran Pemasangan Kod QR Taman Perbandaran di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Rekreasi, Pelancongan dan Perhubungan Antarabangsa MPPP, Mohamed Akbar Mustapha dan Ahli-ahli Majlis MPPP.

Aplikasi kod QR boleh diaplikasikan di Taman Perbandaran ekoran perkhidmatan *wifi* percuma yang dibekalkan Kerajaan Negeri iaitu di bawah projek *Penang Free Wifi*.

Mengulas lanjut, Patahiyah memberitahu bahawa para pengunjung boleh memilih penggunaan bahasa sama ada Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia atau Bahasa Cina untuk berinteraksi menggunakan aplikasi interaktif imbas Kod QR tersebut.

"Malah, pengunjung juga boleh muatnaik maklumat lengkap berkaitan Taman Perbandaran melalui laman sesawang rasmi *www.penangmunicipalpark.com* di telefon pintar masing-masing," jelasnya.

Dalam pada itu, Patahiyah turut memaklumkan bahawa MPPP kini dalam usaha menaiktaraf beberapa kemudahan dalam taman tersebut antaranya menggantikan peralatan permainan kanak-kanak sedia ada dengan menempatkan lantai EPDM dan menurap semula lokasi letak kenderaan pada bahagian dalam.



AR. Patahiyah Ismail menunjukkan gajet mudah alih yang digunakan untuk mengimbas Kod QR pada majlis pelancarannya di Taman Perbandaran di sini baru-baru ini.

## Dua bas perantara untuk peminat skuasy

**UNTUK PEMINAT...** Bersempena penganjuran Kejohanan Skuasy Wanita Dunia Ke-29, sebanyak dua bas perantara ulang alik disediakan dari Pusat Skuasy Antarabangsa Nicol Ann David, Batu Uban ke arena *Subterranean Penang International Conference and Exibition* (SPICE), Bayan Baru.

Inisiatif tersebut adalah bagi membolehkan para peminat khususnya peminat tempatan melihat sendiri aksi-aksi jaguh skuasy bertaraf antarabangsa yang julung kali beraksi di Pulau Pinang.

Sebagai identiti, dua bas tersebut 'dibalut' dengan poster kejohanan.

Hadir merasmikan majlis tersebut adalah Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng dan Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) yang juga ahli jawatankuasa pengelola program, Datuk Ar. Patahiyah Ismail.

Turut serta, Ratu Skuasy Negara, Datuk Nicol Ann David, pemain negara, Low Wee Wern dan rakan sepasukan.

Sebagai simbolik, seramai 20 kanak-kanak kurang upaya turut dibawa menaiki bas berkenaan ke Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.



CHONG Eng (empat dari kanan) menunjukkan tanda bagus sambil ditemani Ar. Patahiyah Ismail (tengah), Nicol Ann David (tiga dari kiri) dan Low Wee Wern (empat dari kiri) di hadapan bas perantara kejohanan di sini baru-baru ini.

## SENARAI KOMPLEKS TIDAK AKTIF MPSP YANG BELUM DISEWA (SEHINGGA 10 DISEMBER 2013)

SPU

| BIL | KOMPLEKS | BILANGAN UNIT | BIL.UNIT TELAH DISEWA | BIL. UNIT KOSONG |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Lorong Sungai Lokan 3/2 | **10** | **0** | **10** |
| 2 | Kompleks Lorong Sg. Lokan 5 | **20** | **0** | **20** |

SPT

| BIL | KOMPLEKS | BILANGAN UNIT | BIL.UNIT TELAH DISEWA | BIL. UNIT KOSONG |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Kompleks Taman Bidara | 22 | 0 | 22 |
| 2 | Kompleks Taman Jambu | 7 | 0 | 7 |
| 3 | Taman Teguh, Pmtg Tinggi | 15 | 0 | 15 |
| 4 | Jalan Usahajaya | 24 | 0 | 24 |
| 5 | Taman Permai Jaya | 12 | 0 | 12 |
| 6 | Jalan Pala 4, Pmtg. Tinggi | 24 | 16 | 8 |
| 7 | Taman Seri Arowana | 6 | 0 | 6 |

SPS

| BIL | KOMPLEKS | BILANGAN UNIT | BIL.UNIT TELAH DISEWA | BIL. UNIT KOSONG |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Taman Nafiri, Sg. Bakap | 11 | 0 | 11 |
| 2 | Taman Serunai, Bkt. Panchor | 14 | 0 | 14 |
| 3 | Pasar Taman Jawi Jaya | 14 | 0 | 14 |
| 4 | Pasar Tambun Indah | 17 | 0 | 17 |

**Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh hadir ke Ibu pejabat MPSP Bandar Perda atau berhubung dengan Pegawai di Jabatan Pelesenan Mpsp di talian 04-5497678/685/843/844/675*

# Penduduk Flat Hijau gotong-royong basmi aedes



**KANAK-kanak yang turut terlibat dalam penganjuran program Gotong-royong bersama Penduduk Flat Taman Hijau (Desa Genting) di sini baru-baru ini.**

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**PULAU BETONG –** Bagi mengelak penularan demam denggi, lebih 100 penduduk Flat Taman Hijau di sini terlibat dalam aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan sekitar perumahan mereka baru-baru ini.

Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail berkata, peningkatan kes denggi sejak kebelakangan ini amat membimbangkan dan perlu diberi perhatian serius.

"Kawasan sekitar dilitupi sampah-sarap terutamanya menjadi faktor utama kepada pembiakan nyamuk aedes.

"Sewajarnya, masyarakat mengambil inisiatif membersihkan kawasan kediaman masing-masing di samping bergotong-royong dalam usaha menggempur penularan denggi," jelasnya selepas Majlis Perasmian Program Gotong-royong bersama Penduduk Flat Taman Hijau (Desa Genting) di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Pejabat Kesihatan Daerah Barat Daya, Pejabat Tanah dan Derah Barat Daya dan persatuan penduduk.

Tambah Mohd. Tuah, langkah paling berkesan adalah dengan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes dan kepekaan masyarakat dengan kawasan kejiranan agar sentiasa bersih dan hijau.

## Mangsa kebakaran dapat perhatian PPK

**TELUK BAHANG –** Nasib tujuh sekeluarga di Mukim 2 Kampung India di sini yang kehilangan rumah serta harta benda akibat kejadian kebakaran mendapat perhatian Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Teluk Bahang, Datuk Abdul Halim Hussain baru-baru ini.

Selain sumbangan peribadi, mangsa yang dikenali sebagai S. Thanabalan turut menerima RM1,000 bantuan bencana dan sumbangan peribadi Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), A. Kumaresan.

Mengulas lanjut mengenai kejadian kira-kira pada jam 1.30 pagi, Thanabalan menyatakan bahawa ketika kejadian, beliau bersama tiga anak dan ibu bapanya sedang nyenyak tidur.

"Kami sedang tidur dan dikejutkan jiran-jiran apabila api mula marak membakar bahagian dapur rumah berkenaan.

"Saya sendiri tidak menyangka nasib malang yang menimpa keluarga, namun bersyukur kerana sempat menyelamatkan dua orang tua saya yang uzur serta beberapa dokumen penting," katanya di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Abdul Halim menasihatkan supaya penduduk terutamanya yang mendiami rumah-rumah kayu supaya lebih berhati-hati kerana kebakaran mudah berlaku ketika musim panas dan kering.



**ABDUL Halim Hussain (empat dari kanan) menyampaikan sumbangan peribadi kepada mangsa kebakaran di sini baru-baru ini.**



**KEADAAN rumah S. Thanabalan yang musnah dalam kejadian kebakaran**





BATU KAWAN SME VILLAGE

Designed to support the hi-tech and fast developing industrial community of the Batu Kawan Industrial Park, the 150-acre SME Village comprises ready- built factory buildings and bungalow plots is ideally located at the crossroads of the North-South Highway and the Second Penang Bridge.

Surrounded by large catchments of MNCs and other industries, and integrated with the overall development of Batu Kawan (Penang's third satellite town), the SME Village is also easily accessible to all major transport networks by land, air and sea and has a well-planned traffic system with ample parking.

At the hub of this undertaking is the SME Service Centre that is fully equipped as a one-stop reference for clients. This Free WiFi Zone houses a business centre, exhibition hall, meeting and seminar rooms, SME information & advisory centre, the management, maintenance and security offices. For added convenience, there are also restaurants and food court, a mini market, surau and a rest area.

Phase 1 consisting 4 double storey semi-detached and 40 double storey terrace factory units is scheduled for completion by Q4 2014. The bungalow plots & semi-detached units have been sold out. The terrace units with a built-up of 2,572 sq ft is priced from RM880,000 onwards & are available for sale.

**Penang Development Corporation**

Bangunan Tun Dr Lim Chong Eu
No. 1, Persiaran Mahsuri
11909 Bayan Lepas, Pulau Pinang,
Malaysia
Tel : (604) - 634 0111 / 634 0212
Fax : (604) - 634 2405 / 641 3409
Email : enquiry@pdc.gov.my
www.pdc.gov.my

Invest-In-Penang/ SMART Centre
Tel: 04-6409988/89
Email: info@smartpenang.my
www.smartpenang.my.

# Program Ziarah Mahabbah bantu keluarga kurang mampu



MUHASDEY Muhammad (empat dari kanan) menyampaikan sumbangan hamper kepada salah seorang penerima terpilih dalam Program Ziarah Mahabbah di sini baru-baru ini.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**PINANG TUNGGAL** – Seramai 10 keluarga kurang mampu terpilih menerima sumbangan dari Pusat Khidmat Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pinang Tunggal di sini baru-baru ini.

Pegawai Penyelaras KADUNnya, Muhasdey Muhammad berkata, setiap minggu, beliau akan memperuntukkan masa untuk menziarah dan menyampaikan sumbangan berupa bahan makanan asasi kepada 10 keluarga kurang mampu terpilih di sini.

"Yang ringan sama dijinjing, yang berat sama dipikul, sebolehnya kita sedaya upaya meringankan bebanan ditanggung keluarga-keluarga ini.

"Moga-moga sumbangan ini memberi makna kepada mereka yang memerlukan," ujarnya sejurus selesai Program Ziarah Mahabbah di Kampung Baru di sini baru-baru ini.

Jelas Muhasdey, selain sumbangan, antara intipati penting program tersebut adalah untuk memaklumkan kepada golongan kurang bernasib baik bahawa Kerjaaan Negeri adalah prihatin dan sentiasa berusaha untuk membantu meringankan bebanan ditanggung.

Muhasdey, dalam pada itu turut berharap agar lebih ramai individu prihatin tampil menghulurkan penajaan bantuan sama ada dalam bentuk wang ringgit mahupun barangan untuk disalurkan kepada golongan memerlukan di sini.



MUHASDEY Muhammad (berdiri) bergambar kenangan dengan warga-warga emas pada lawatan beliau.

# Amal gaya hidup sihat kurang penyakit




A. Kumaresan (berdiri, tiga dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama sebahagian peserta Kejohanan Badminton Anak Muda yang dianjurkannya di sini baru-baru ini.

**JOM BERSUKAN...** Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), A. Kumaresan menyeru golongan belia supaya mengamalkan gaya hidup sihat dalam usaha mengekalkan kesihatan tubuh selain mengurangkan penyakit kronik.

"Penjagaan kesihatan tidak hanya untuk mereka yang berusia sahaja, sebaliknya, peringkat usia muda juga perlu mengambil berat soal kesihatan.

"Jangan apabila sudah berusia, sudah sakit baru beringat," ujarnya sejurus selepas perasmian Kejohanan Badminton Anak Muda di Dewan Tapak Pesta Sungai Nibong di sini baru-baru ini.

Beliau dalam pada itu bercadang untuk menganjurkan kejohanan sedemikian secara berkala, iaitu, setiap bulan dan juga dalam skala lebih besar dalam usaha menarik minat anak-anak muda untuk bersukan.




## Info PPK – Penaga

**Pusat Khidmat Penyelaras DUN Penaga
D/A Dewan Banjir Permatang Bendahari, 13110 Penaga,
Seberang Perai Utara,
Pulau Pinang.**

**Ridwan Osman (PPK) : 013 - 499 5068
Mohd Shukrin Md. Tauzi (Pembantu) : 019 - 409 5922
Pejabat PPK : 04 - 575 5196**

# Kenali Pulau Pinang - Peraduan Cari Benda Tersembunyi




Sumber: Internet

**Sila Jawab Soalan :**

**1 - Namakan Jambatan Kedua Pulau Pinang, ukuran panjang dan bila ia dibuka untuk umum?**

..........................................................................................................

**2 - Bilakah George Town diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO?**

..........................................................................................

**3 - Namakan Ketua Menteri Pulau Pinang Ke-2 dan tempoh tarikh perkhidmatannya?**

..........................................................................................................

Sila isi butiran berikut:

Nama : ..........................................................

Kad Pengenalan: ..........................................................

Alamat: ..........................................................

..........................................................

..........................................................

No. Telefon : (Rumah) .................... (Bimbit) : ....................

Emel: ..........................................................

Terma & Syarat Peraduan:

1. Peraduan dibuka kepada semua.
2. Bulatkan 9 objek tersembunyi dengan pen berwarna MERAH sahaja & jawab 3 soalan di atas.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar SATU penyertaan sahaja.
5. Keputusan pengadil adalah muktamad.
6. Hanya penyertaan lengkap bakal diadili.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 14 Mei 2014.
9. Sebarang pertanyaan sila hubungi 04 - 650 5564 / 5256 / 5704.
10. Alamatkan semua borang penyertaan kepada :
    Buletin Mutiara, Kenali Pulau Pinang - Peraduan Cari Benda Tersembunyi,
    Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah Utama
## RM 500